



# **JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD**

*(No. Syarikat : 467115 -T)*

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

## **TERBITAN AWAM**

**7,400,000 SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM1.00  
SESAHAM PADA HARGA TERBITAN RM2.20 SETIAP  
SAHAM BIASA BARU DIBAYAR PENUH SEMASA  
PERMOHONAN**

Penasihat dan Pengurus Taja Jamin

**AMANAH MERCHANT BANK BERHAD**

An Amanah Capital Group Company  
(21605-D)



Prospektus ini bertarikh 18 Februari 2000

**KELULUSAN SURUHANJAYA SEKURITI TIDAK BOLEH DIAMBIL SEBAGAI PETUNJUK BAHAWA SURUHANJAYA SEKURITI MENGESYORKAN TERBITAN AWAM 7,400,000 SAHAM BIASA BARU BERNILAI RM1.00 SESAHAM DALAM JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD PADA HARGA TERBITAN RM2.20 SETIAP SAHAM BIASA BARU. PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBUAT PENILAIAN MEREKA SENDIRI TERHADAP JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD DAN PERLU BERGANTUNG KEPADA PENILAIAN TERSEBUT UNTUK MENILAI MERIT DAN RISIKO MANA-MANA PELABURAN.**

**HARGA TERBITAN RM2.20 SETIAP SAHAM TELAH DITENTUKAN DAN DIPERSETUJUI SEPENUHNYA OLEH JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD DAN AMANAH MERCHANT BANK BERHAD SEBAGAI PENASIHAT DAN PENGURUS TAJA JAMIN BERDASARKAN BEBERAPA FAKTOR BERKAITAN. PELABUR HENDAKLAH MEMBUAT KEPUTUSAN MEREKA SENDIRI MENGENAI PENILAIAN SEKURITI DAN KEMUNASABAHAN DASAR YANG DIGUNAKAN.**

**SALINAN PROSPEKTUS INI TELAH DIKEMUKAKAN DENGAN DAN DIDAFTAR OLEH PENDAFTAR SYARIKAT, MALAYSIA YANG TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI ISI KANDUNGANNYA.**

**PENILAIAN HARTA YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI HANYA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN PENYUSUNAN SEMULA DAN LANGKAH PENYENARAIAN DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI SOKONGAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI KE ATAS NILAI HARTA BAGI MANA-MANA TUJUAN LAIN.**

**TANGGUNGJAWAB AKAUNTAN MELAPOR DAN JURUNILAI BERHUBUNG DENGAN PROSPEKTUS INI TIDAK MELEBIHI LAPORAN AKAUNTAN, RAMALAN KEUNTUNGAN DISATUKAN DAN PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN DAN SIJIL PENILAIAN. SELAIN DARIPADA YANG DINYATAKAN DI ATAS, AKAUNTAN MELAPOR DAN JURUNILAI TIDAK TERLIBAT DALAM PENYEDIAAN PROSPEKTUS INI.**

**BURSA SAHAM KUALA LUMPUR TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB BAGI KETEPATAN MANA-MANA KENYATAAN YANG DIBUAT ATAU PANDANGAN ATAU LAPORAN YANG TERKANDUNG DALAM PROSPEKTUS INI. KEMASUKAN KE SENARAI RASMI PAPAN KEDUA BURSA SAHAM KUALA LUMPUR TIDAK BOLEH DIAMBIL SEBAGAI PETUNJUK MERIT JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD ATAU SAHAM BIASANYA.**

---

## DEFINISI

---

Melainkan konteks memerlukan di sebaliknya, terma-terma berikut akan dipakai pada keseluruhan Prospektus ini:

“Pengambilalihan”	: Pengambilalihan JLT dan Pengambilalihan SMNT secara kolektif
“Pengambilalihan JLT”	: Pengambilalihan oleh JLWIB bagi keseluruhan modal saham JLT yang diterbitkan dan berbayar sebanyak RM 10,000,000 terdiri daripada 10,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan sebanyak RM20,540,450 yang dijelaskan melalui terbitan 13,435,242 Saham Baru JLWIB dengan anggaran RM1.53 setiap Saham Baru JLWIB.
“Pengambilalihan SMNT”	: Pengambilalihan oleh JLWIB bagi keseluruhan modal saham SMNT yang diterbitkan dan berbayar sebanyak RM 3,000,000 terdiri daripada 3,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan sebanyak RM29,300,009 yang dijelaskan sepenuhnya melalui terbitan 19,164,756 Saham Baru JLWIB dengan anggaran RM1.53 setiap Saham Baru JLWIB.
“ADA”	: Ejen Depositori Bertauliah
“Kod ADA”	: Kod (Broker) ADA
“Amanah”	: Amanah Merchant Bank Berhad (21605-D)
“Pelabur Bumiputera Yang Diluluskan”	: Pelabur Bumiputera Yang Diluluskan oleh MITI
“ASB”	: Akitiasa Sdn Bhd (189673 – X)
“ATMs”	: Mesin Teller Automatik
“BNM”	: Bank Negara Malaysia
“CDS”	: Sistem Depositori Pusat
“EPS”	: Perolehan setiap saham
“FIC”	: Jawatankuasa Pelaburan Asing
“KDNK”	: Keluaran Dalam Negara Kasar
“IDSB”	: Ideal Destiny Sdn Bhd (440698-A)
“Rumah Terbitan ”	: To Appoint
“JLB ”	: Jin Lin Bio-Coal Sdn Bhd (402751-T)
“JSB ”	: Jarenang Sdn Bhd (229365-K)
“JLO”	: Jin Lin Organisation Sdn Bhd (83807-W)
“JLT ”	: Jin Lin Trading Sdn Bhd (266167-T)
“JLCD”	: Jin Lin Credit & Development Bhd (121920-P)
“JLWIB” atau “ Syarikat”	: Jin Lin Wood Industries Berhad ( 467115-T)
“Kumpulan JLWIB ”	: JLWIB dan anak syarikat milik penuhnya iaitu JLT, SMNT, ASB dan JLB

---

**DEFINISI (*Samb*)**

---

“ Saham JLWIB”	:	Saham biasa bernilai bernilai RM 1.00 sesaham dalam JLWIB
“ Saham Baru JLWIB”	:	Saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam JLWIB
“BSKL”	:	Bursa Saham Kuala Lumpur
“MCD”	:	Malaysian Central Depository Sdn Bhd
“MITI”	:	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
“NTA”	:	Aset ketara bersih
“PE.”	:	Harga Perolehan
“Terbitan Awam”	:	Terbitan awam sebanyak 7,400,000 Saham Baru JLWIB pada harga terbitan bernilai RM2.20 setiap Saham Baru JLWIB kepada para pengarah dan kakitangan yang layak dalam kumpulan JLWIB, Pelabur Bumiputera yang diluluskan dan orang awam yang terdiri daripada rakyat Malaysia, syarikat, koperasi, pertubuhan dan institusi.
“Saham Terbitan Awam”	:	7,400,000 Saham Baru JLWIB yang menjadi subjek Terbitan Awam di mana JLWIB mempelawa permohonan tertakluk kepada terma dan syarat Prospektus ini.
“RM”	:	Ringgit Malaysia
“SC”	:	Suruhanjaya Sekuriti, Malaysia
“SMNT”	:	Syarikat Mustapha & Ngu Timber Sdn Bhd (142129-U)

---

## JADUAL KANDUNGAN

---

### MUKA SURAT

<b>1.0</b>	<b>MAKLUMAT KORPORAT</b> .....	1
<b>2.0</b>	<b>RINGKASAN MAKLUMAT</b> .....	4
2.1	Sejarah dan Kegiatan Utama .....	4
2.2	Rekod Kewangan .....	5
2.3	Perangkaan Penting Berhubung Terbitan Awam .....	6
<b>3.0</b>	<b>PERTIMBANGAN PELABURAN</b> .....	8
<b>4.0</b>	<b>Pengenalan</b> .....	10
<b>5.0</b>	<b>MODAL SAHAM</b> .....	12
<b>6.0</b>	<b>BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM</b> .....	13
6.1	Pembukaan dan Penutupan Senarai Permohonan .....	13
6.2	Butir Terbitan Awam .....	13
6.3	Justifikasi Harga Saham Terbitan Awam .....	14
6.4	Tujuan Terbitan Awam .....	15
6.5	Perolehan Terbitan Awam .....	15
6.6	Pembrokeran dan Komisen Taja Jamin .....	16
<b>7.0</b>	<b>MORATORIAM KE ATAS PENJUALAN SAHAM</b> .....	17
<b>8.0</b>	<b>MAKLUMAT KUMPULAN JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD</b> .....	18
8.1	Sejarah dan Kegiatan Utama .....	18
8.2	Skim Penyusunan Semula dan Pengapungan Awam .....	18
8.3	Modal Saham .....	21
8.4	Ringkasan Harta .....	22
8.5	Maklumat mengenai Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu .....	25
8.6	Modal Kerja, Pinjaman dan Liabiliti Kontigen .....	33
8.7	Para Pengarah, Pengurusan Kanan dan Kakitangan .....	34
<b>9.0</b>	<b>GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI</b> .....	38
9.1	Ekonomi Malaysia .....	38
9.2	Industri Kayu .....	38
9.3	Prospek Industri Kayu .....	40
<b>10.0</b>	<b>GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN</b> .....	42
10.1	Kegiatan Utama .....	42
10.2	Pasaran Utama dan Pecahan dalam Jumlah Dagangan dan Keuntungan melalui Keluaran Utama .....	46
10.3	Sumber Bahan Mentah .....	48
10.4	Kemudahan Pengeluaran dan Keluaran .....	50
10.5	Penyelidikan dan Pembangunan .....	51
10.6	Prospek dan Rancangan Masa Depan .....	51

---

**JADUAL KANDUNGAN (Samb)**

---

**MUKA SURAT**

<b>11.0</b>	<b>MAKLUMAT KEWANGAN .....</b>	<b>52</b>
11.1	Rekod Kewangan .....	52
11.2	Ramalan Keuntungan Disatukan dan Andaian.....	53
11.3	Surat Akauntan Melapor mengenai Ramalan Keuntungan Disatukan .....	56
11.4	Ramalan Dividen.....	57
11.5	Proforma Kunci Kira-kira Disatukan .....	58
11.6	Surat Akauntan Melapor mengenai Proforma Kunci Kira-kira Disatukan .....	61
<b>12.0</b>	<b>LAPORAN AKAUNTAN .....</b>	<b>62</b>
<b>13.0</b>	<b>SIJIL PENILAIAN.....</b>	<b>85</b>
<b>14.0</b>	<b>LAPORAN PENGARAH .....</b>	<b>87</b>
<b>15.0</b>	<b>MAKLUMAT BERKANUN DAN MAKLUMAT AM.....</b>	<b>88</b>
15.1	Modal Saham .....	88
15.2	Tataurusn Pertubuhan.....	88
15.3	Para Pengarah dan Pemegang Saham Utama .....	97
15.4	Am.....	102
15.5	Liabiliti Kontigen.....	103
15.6	Litigasi Material.....	104
15.7	Kontrak Material .....	104
15.8	Tawaran Pengambilalihan Awam .....	104
15.9	Kebenaran .....	105
15.10	Dokumen Tersedia Untuk Pemeriksaan .....	105
15.11	Tanggungjawab.....	105
<b>16.0</b>	<b>TATACARA BAGI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN.....</b>	<b>106</b>
16.1	Borang-borang Permohonan .....	106
16.2	Tatacara bagi Permohonan .....	106
16.3	Permohonan dan Penerimaan.....	110
16.4	Akaun CDS .....	110
16.5	Notis Pengumpulan .....	111
16.6	Pemformalan Akaun CDS.....	111
16.7	Senarai Ejen Depositori yang dibenarkan .....	111

---

## 1.0 MAKLUMAT KORPORAT

---

### LEMBAGA PENGARAH

<b>Nama</b>	<b>Alamat</b>	<b>Pekerjaan</b>	<b>Warganegara</b>
<b>Chieng Hie Kwong Pengerusi</b>	12, Upper Lanang Road 96000 Sibu Sarawak	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>Ko Kung Hai Pengarah Urusan</b>	No. 177, Tingkat 2 Taman Sri Dagang 97000 Bintulu Sarawak	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>Chan Lan Ngai Pengarah Eksekutif</b>	731, Beach Park Tanjung Batu Road 97000 Bintulu Sarawak	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>Aminodin Ismail Pengarah Eksekutif</b>	36, Jalan 16/6 Seksyen 16 46350 Petaling Jaya Selangor	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>Ibrahim bin Hj Yusoff Pengarah</b>	1731 Jalan C12 Taman Melawati 53100 Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>David Sengalang Anak Uyang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>	No. 50 Lot 3337 Lorong Wan Alwi No. 1 Taman Linang Tabuan Jaya 93350 Kuching Sarawak	Pengarah Syarikat	Malaysia
<b>Mohd Shukri Mohd Yunus Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</b>	No. 54 Jalan Pinggiran 7 Taman Pinggiran Ukay 68000 Ampang Kuala Lumpur	Pengarah Syarikat	Malaysia

### JAWATANKUASA AUDIT

<b>Nama</b>	<b>Tanggungjawab</b>	<b>Keahlian Pengarah</b>
Mohd Shukri Mohd Yunus	Pengerusi	(Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)
David Sengalang Anak Uyang	Ahli	(Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)
Ko Kung Hai	Ahli	Pengarah Urusan

---

**1.0 MAKLUMAT KORPORAT (Samb)**

---

- SETIAUSAHA SYARIKAT** : Gwee Ooi Teng (MAICSA 0794701)  
15 Jalan SS 25/4  
Taman Bukit Emas  
47301 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan
- PEJABAT BERDAFTAR** : 177, Tingkat 2  
Taman Sri Dagang  
P.O. Box 3181  
97013 Bintulu  
Sarawak  
Tel: 086-334661/086-335570  
Fax: 086-330866/086-334808
- BANK UTAMA**
- Bumiputera-Commerce Bank Berhad (13491-P)  
*(dulu di kenali sebagai Bank of Commerce (M) Berhad)*  
Tingkat Bawah (Sayap Kiri)  
Bangunan BDA Someville, Jalan Someville  
97000 Bintulu  
Sarawak
- Pacific Bank Berhad (5024-T)  
29 Medan Jaya Pusat Komersil  
Jalan Tun Hussein Onn  
P.O. Box 2022  
97000 Bintulu  
Sarawak
- Standard Chartered Bank Malaysia Berhad (115793-P)  
No 89, Jalan Keppel  
97000 Bintulu  
Sarawak
- PEGUAMCARA BAGI  
TERBITAN AWAM**
- Tay & Helen Wong  
Suite 505, Blok F, Phileo Damansara 1  
No 9, Jalan 16/11  
46350 Petaling Jaya  
Selangor
- JURUAUDIT DAN AKAUNTAN  
MELAPOR** : Hii & Lee (AFO123)  
Akauntan Awam  
Tingkat 1, 55 Medan Sepadu  
Jalan Abang Galau  
P.O. Box 360  
97008 Bintulu  
Sarawak



---

**1.0 MAKLUMAT KORPORAT (Samb)**

---

- PENDAFTAR** : Signet & Co Sdn Bhd (118382-V)  
Tingkat 10 &11, Bangunan Menara  
Kompleks Antarabangsa  
Jalan Sultan Ismail  
P.O. Box 12547  
50782 Kuala Lumpur
- RUMAH TERBITAN** : MIDF Consultancy and Corporate Services Sendirian  
Berhad (11324-H)  
Tingkat 12, Bangunan MIDF  
1954, Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur
- PENASIHAT DAN PENGURUS  
TAJA JAMIN** : Amanah Merchant Bank Berhad (21605-D)  
Tingkat 21, Bangunan Amanah Capital  
82, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur
- PENAJA JAMIN** : Amanah Merchant Bank Berhad (21605-D)  
Tingkat 21, Bangunan Amanah Capital  
82, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur
- O.S.K. Securities Berhad (14152-V)  
Tingkat 20, Plaza OSK  
Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur
- Kuala Lumpur City Securities Sdn Bhd (126994-W)  
3.07 Paras 3  
Bangunan Angkasa Raya  
Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur
- PENILAI** : CH Williams Talhar Wong & Yeo Sdn Bhd (24706-T)  
11 & 12 (Tingkat 2)  
Lorong Kampung Datu 3A  
P.O. Box 1467  
96008 Sibul  
Sarawak
- PENYENARAIAAN DIPOHON** : Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

---


## 2.0 RINGKASAN MAKLUMAT

---

Maklumat yang dinyatakan di bawah merupakan ringkasan daripada teks lengkap Prospektus ini dan haruslah dibaca bersama-sama dengannya.

### 2.1 Sejarah dan Kegiatan Utama

JLWIB telah diperbadankan sebagai sebuah syarikat awam berhad di Malaysia pada 8 Ogos 1998 di bawah Akta Syarikat, 1965. Kegiatan utamanya ialah pemegangan pelaburan. Ia mempunyai empat (4) anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam kegiatan perniagaan yang berikut:



## 2.0 RINGKASAN MAKLUMAT (*Samb*)

### 2.2 Rekod Kewangan

Jadual berikut membentangkan proforma keputusan disatukan teraudit Kumpulan JLWIB bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 dipetik daripada Laporan Akauntan dalam Seksyen 12 dan hendaklah dibaca bersama dengan nota mengiringinya.

Proforma keputusan disatukan yang berdasarkan keputusan teraudit Kumpulan JLWIB adalah untuk tujuan gambaran sahaja atas andaian bahawa struktur semasa Kumpulan JLWIB telah wujud sepanjang tempoh di bawah kajian.

	<----- Tahun Kewangan berakhir 30 June ----->					3 bulan
	1995	1996	1997	1998	1999	30.09.1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah Dagangan	58,078	51,283	49,599	49,205	80,870	27,718
Keuntungan sebelum susutnilai, faedah dan cukai	1,184	3,141	8,244	15,391	23,345	5,608
Susutnilai	(340)	(434)	(1,312)	(2,644)	(4,031)	(1,025)
Perbelanjaan faedah	(276)	(557)	(1,541)	(3,885)	(6,847)	(1,117)
Keuntungan sebelum cukai	568	2,150	5,391	8,862	12,467	3,466
Cukai	(277)	(583)	(1,031)	(1,305)	(10)	(556)
Keuntungan selepas cukai	291	1,567	4,360	7,557	12,457	2,910
Bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	32,600	32,600	32,600	32,600	32,600	32,600
EPS kasar (sen)	1.74	6.60	16.54	27.18	38.24	*42.53
EPS bersih (sen)	0.89	4.81	13.37	23.18	38.21	*35.71
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-	-	-

\* *Disetahunkan*

#### Nota:

- (i) *Ringkasan proforma keputusan disatukan bagi Kumpulan proforma telah disediakan berasaskan dasar perakaunan selari dengan yang telah diamalkan sebelumnya didalam penyediaan penyata kewangan teraudit anak syarikat memandangkan JLWIB telah dormant sejak tarikh pemerbadanan.*
- (ii) *Keputusan di atas dicapai setelah membuat pelarasan tertentu yang kami kira wajar termasuk penghapusan semua transaksi antara syarikat.*
- (iii) *Peningkatan ketara dalam keuntungan Kumpulan sebelum cukai bagi tahun kewangan 1995 hingga 1999 akibat daripada peningkatan dalam harga jualan purata kayu digergaji di dalam tahun kewangan 1996 dan 1997 dan pengeluaran keluaran tambahan iaitu kayu diacuankan dalam tahun kewangan 1997, parket UV dalam tahun kewangan 1998 dan venir dalam tahun kewangan 1999.*
- (iv) *Jumlah dagangan Kumpulan menunjukkan pola menurun dari tahun kewangan 1995 hingga 1998 terutamanya disebabkan oleh kejatuhan jualan eksport kayu digergaji ke Filipina, Singapura dan Thailand dan kejatuhan jualan balak akibat daripada penekanan Kumpulan kepada pengeluaran hiliran. Walaubagaimanapun ia menunjukkan pola yang meningkat dari tahun kewangan 1998 hingga 1999 terutamanya disebabkan oleh kepelbagaian dan peningkatan di dalam pengeluaran hiliran bagi keluaran berkaitan kayu iaitu kayu diacuankan, bahan binaan kayu, arang briket dan venir.*
- (v) *Caj cukai adalah dengan ketaranya lebih rendah daripada kadar cukai berkanun bagi tahun kewangan 1997 dan 1998 disebabkan oleh peruntukan pelaburan semula yang diberikan kepada sebuah anak syarikat.*

---

## 2.0 RINGKASAN MAKLUMAT (*Samb*)

---

- (vi) *Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan 1999 mewakili pelarasan bagi berkurang peruntukan untuk cukai bagi tahun sebelumnya. Tiada cukai diperuntukkan bagi tahun kewangan 1999 memandangkan tahun kewangan jatuh dalam tahun taksiran 2000 di mana cukai ke atas pendapatan diperoleh diketepikan selaras dengan Seksyen 8 Akta cukai pendapatan (Pindaan), 1999.*
- (vii) *Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.*
- (viii) *Proforma EPS kasar dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham selepas pengambilalihan JLT dan SMNT.*
- (ix) *Proforma EPS bersih dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham selepas pengambilalihan JLT dan SMNT*

## 2.3 Perangkaan Penting Berhubung Dengan Terbitan Awam

### (i) Modal Saham

	<b>RM</b>
<b>Dibenarkan:</b>	
- 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	100,000,000
<b>Diterbitkan dan berbayar penuh pada tarikh Prospektus ini:</b>	
- 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	32,600,000
<b>Akan diterbitkan menurut Terbitan Awam:-</b>	
- 7,400,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	7,400,000
	<u>40,000,000</u>
<b>Harga terbitan setiap saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham</b>	<b>RM2.20</b>

### (ii) Proforma NTA Disatukan

	<b>RM</b>
Proforma NTA Disatukan pada 30 September 1999 (bersih daripada anggaran perbelanjaan penyenaian sebanyak RM1.7 juta)	67,331,000
Proforma NTA Disatukan setiap saham biasa (berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham)	1.68

---

## 2.0 RINGKASAN MAKLUMAT *(Samb)*

---

### (iii) Ramalan Keuntungan Disatukan Bagi Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 Jun 2000

	<b>RM'000</b>
Keuntungan disatukan sebelum cukai	15,533
Tolak: Keuntungan pra pengambilalihan	(8,518)
Keuntungan disatukan selepas pengambilalihan	7,015
Cukai	<u>(1,149)</u>
Keuntungan disatukan selepas cukai	<u><u>5,866</u></u>
EPS kasar ** (sen)	42.3
EPS bersih ** (sen)	35.4
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap Saham JLWIB (kali)	5.2
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap Saham JLWIB (kali)	6.2

\*\* *EPS kasar dan EPS bersih dikira berdasarkan purata wajaran bilangan saham yang diandaikan dalam terbitan sebanyak 16,572,582 saham JLWIB atas andaian bahawa Terbitan Awam akan disiapkan pada 31 March 2000.*

### (iv) Ramalan Dividen Bagi Tahun Kewangan Akan Berakhir 30 Jun 2000

Dividen kasar setiap Saham JLWIB (sen)	10.0
Dividen bersih setiap Saham JLWIB (dikecualikan cukai) (sen)	10.0
Hasil dividen kasar berdasarkan harga terbitan bernilai RM2.20 setiap Saham JLWIB (%)	4.5
Hasil dividen bersih berdasarkan harga terbitan bernilai RM2.20 setiap Saham JLWIB (%)	4.5
Lindungan dividen bersih (kali)	1.5

---

### **3.0 PERTIMBANGAN PELABURAN**

---

Sebelum membuat sesuatu keputusan pelaburan, bakal pelabur haruslah mempertimbangkan dengan teliti kesemua maklumat dalam Prospektus ini berdasarkan keadaan dan objektif kewangan mereka sendiri, dan khususnya pertimbangan pelaburan yang berikut:

#### **3.1 Tiada Pasaran Terdahulu bagi Saham JLWIB**

Sebelum Terbitan Awam ini, tiada pasaran awam bagi saham JLWIB. Tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham JLWIB akan wujud semasa penyenaiaannya di Papan Kedua BSKL atau, jika wujud, tiada jaminan bahawa pasaran tersebut akan berterusan. Harga terbitan bernilai RM2.20 bagi Saham Terbitan Awam telah ditentukan selepas mempertimbangkan beberapa faktor, termasuk tetapi tidak terhad kepada kewangan dan sejarah operasi dan keadaan Syarikat, prospeknya dan prospek industri di mana Syarikat beroperasi, pengurusan Syarikat, harga pasaran bagi saham syarikat yang bergiat dalam perniagaan yang sama dengan perniagaan Syarikat dan keadaan pasaran semasa pada masa permohonan bagi penyenaiaan JLWIB dikemukakan kepada SC. Tiada jaminan bahawa harga terbitan akan sama dengan harga saham JLWIB akan diniagakan di Papan Kedua BSKL semasa atau selepas penyenaiaannya atau tiada jaminan bahawa pasaran yang cergas bagi saham-saham JLWIB akan wujud dan terus wujud semasa atau selepas penyenaiaannya.

#### **3.2 Pergantungan kepada Personel Utama**

Kejayaan kumpulan dapat dianggap berpunca dari pucuk pimpinan yang teguh dan kemahiran pengurusan para pengarah yang berpengalaman dan pengurusan kanannya yang telah berkecimpung di dalam industri kayu selama lebih dari 16 tahun. Pengumpulan sumber oleh para pemegang saham telah menarik minat ramai personel yang berpengalaman untuk bekerja dengan Kumpulan dan Kumpulan ini akan berusaha sedaya upaya untuk terus menarik minat dan mengekalkan personelnya yang berkemahiran bagi menyokong operasi perniagaan. Butir pengarah, pengurusan kanan dan kakitangan JLWIB dibentangkan dalam Seksyen 8.7 Prospektus ini.

#### **3.3 Kawalan oleh Pemegang Saham Utama**

Apabila JLWIB disenaraikan di Papan Kedua BSKL, sebanyak 15,002,116(37.56%), 8,476,000(21.19%), 2,660,178(6.65%) dan 1,916,476(4.79%) saham biasa atau daripada saham biasa dalam JLWIB akan dimiliki oleh JLO, IDSB, JLCD dan JSB masing-masing. Butir pemegang saham JLO, IDSB, JLCD dan JSB adalah dibentangkan dalam seksyen 15.3.12 prospektus ini. Akibatnya, ada kemungkinan JLO, IDSB, JLCD dan JSB akan dapat mengawal secara berkesan keputusan perkara tertentu yang memerlukan undi pemegang saham syarikat.

#### **3.4 Risiko Perniagaan**

JLWIB adalah tertakluk kepada risiko tertentu yang terdapat dalam industri kayu. Ini termasuk, antara lainnya, kekurangan buruh dan bahan mentah, kenaikan kos buruh dan bahan mentah, perubahan dalam harga dan permintaan keluaran kayu, perubahan dalam keadaan ekonomi am dan keadaan perniagaan, serta perubahan dalam rangka kerja undang-undang dan alam sekitar di mana industri ini beroperasi. Walaupun Kumpulan berusaha untuk menghadkan risiko ini, tiada jaminan boleh diberi bahawa sebarang perubahan pada faktor ini tidak akan mendatangkan kesan buruk yang besar kepada perniagaan Kumpulan.

---

### **3.0 PERTIMBANGAN PELABURAN (*Samb*)**

---

#### **3.5 Pertimbangan Politik, Ekonomi, Kawal Selia dan Alam Sekitar**

Perkembangan yang buruk dalam keadaan politik dan ekonomi di Malaysia dan di negara di mana Kumpulan JLWIB mempunyai hubungan perniagaan secara langsung atau tidak langsung, seperti Jepun, Korea, Hong Kong, Taiwan R.O.C. dan Singapura boleh sebahagian besarnya menjejaskan prospek kewangan Kumpulan. Ketaktentuan lain merangkumi risiko peperangan, ekspropriasi, perampasan, pemilikan negara, perundingan semula atau pembatalan kontrak yang sedia ada, turun naik kadar faedah dan kaedah percukaian serta peraturan tukaran mata wang.

#### **3.6 Bekalan dan Kos Balak**

Dayamaju jangka panjang syarikat berasaskan kayu banyak bergantung kepada kemapanan dan bekalan balak jangka panjang sebagai bahan mentah utama. Pada masa ini, semua keperluan balak JLWIB diperoleh di negara ini melalui pasaran terbuka. Untuk mengurangkan kepekaan Kumpulan terhadap sebarang akibat buruk yang timbul daripada kekurangan bekalan balak dalam pasaran terbuka, Kumpulan JLWIB telah memeterai perjanjian bekalan balak dengan Adong Sdn Bhd pembekal balak bebas di Sarawak yang memiliki sejumlah 31,329 hektar kawasan konsesi balak dimana pembekal balak tersebut adalah komited untuk membekal balak kepada Kumpulan JLWIB sekiranya diperlukan. Di bawah syarat perjanjian bekalan balak ini, jumlah balak yang akan dibekalkan adalah lebih daripada cukup untuk menampung penggunaan balak Kumpulan JLWIB. Meskipun begitu, walaupun Kumpulan mempunyai bekalan balak yang terjamin pada harga pasaran semasa, namun keuntungan Kumpulan akan tertakluk kepada turun naik kos balak yang dibekalkan kepada Kumpulan.

#### **3.7 Pematuhan (“Y2K”) Tahun 2000**

Kumpulan JLWIB dilengkapi dengan komputer berasaskan “Windows” yang menjalankan aplikasi “desk top” yang telah disahkan sebagai mematuhi keperluan Y2K oleh pembekal. Walaubagaimanapun Kumpulan telah menubuhkan Jawatan kuasa Y2K dibawah pengawasan Lembaga Pengarah yang akan berhubung dengan vendor bagi memastikan setiap peralatan dan perisian komputer yang dibeli pada masa hadapan adalah disahkan sebagai mematuhi keperluan Y2K dan tidak akan terjejas oleh Y2K.

Jawatankuasa Y2K tersebut telah melaporkan bahawa setakat ini tiada kesan Y2K keatas perakaunan, kewangan dan aktiviti operasi kumpulan. Tidak terdapat sebarang kesan Y2K yang timbul dari pendedahan kumpulan yang timbul dari pihak ketiga, yang termasuk, antara lainnya pendaftar saham Syarikat yang mempunyai urusan dengan Kumpulan, memandangkan sisten komputernya tidak dihubungkan dengan sumber luaran. Kos untuk meningkatkan dan menggantikan komputer dan program perisian dianggarkan bernilai RMM60,000. Walaupun tiada kesan Y2K ke atas sistem komputer Kumpulan, Jawatankuasa Y2K akan terus memantau sistem komputer Kumpulan bagi sebarang potensi masalah Y2K.

Kecuali seperti yang dinyatakan di atas dan selain risiko komersil yang biasa, Kumpulan tidak mudah terjejas kepada mana-mana faktor atau peristiwa khusus.

---

#### 4.0 PENGENALAN

---

Prospektus ini bertarikh 18 Februari 2000.

Salinan Prospektus ini telah dikemukakan kepada dan didaftarkan oleh Pendaftar Syarikat, Malaysia yang tidak akan bertanggungjawab bagi isi kandungannya.

Kelulusan telah diperolehi daripada SC bagi skim pengapungan JLWIB pada 13 Januari 2000 dan 22 November 1999, yang diperincikan dalam Seksyen 8.0 Prospektus ini. Kelulusan SC tidak boleh diambil sebagai petunjuk bahawa SC mengesyorkan Terbitan Awam. Pelabur adalah dinasihatkan untuk membuat penilaian bebas mereka sendiri mengenai JLWIB dan hendaklah bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai merit dan risiko mana-mana pelaburan.

Kelulusan pada dasar daripada BSKL telah diperolehi pada 11 Februari 2000 bagi kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL bagi kebenaran untuk berurusan dalam dan sebut harga bagi keseluruhan saham biasa yang diterbitkan dan berbayar penuh bernilai RM1.00 dalam JLWIB, termasuk Saham Terbitan Awam yang merupakan subjek Prospektus ini. Saham biasa ini akan dimasukkan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL dan sebut harga rasmi akan bermula selepas menerima pengesahan daripada MCD bahawa kesemua akaun CDS pemohon yang berjaya telah dikreditkan sewajarnya dan notis pengumpulan telah dihantar kepada semua pemohon yang berjaya.

Penerimaan permohonan akan menjadi bersyarat kepada kebenaran diberikan untuk berurusan dalam dan sebut harga bagi kesemua saham Syarikat yang diterbitkan. Wang yang dibayar berhubung dengan kesemua permohonan yang diterima akan dikembalikan sekiranya kebenaran tersebut tidak diperolehi.

**Mengikut Seksyen 14(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 dan Seksyen 39(1)(j) Akta Syarikat, 1965, BSKL telah menetapkan JLWIB sebagai sekuriti CDS. Oleh yang demikian, Saham Terbitan Awam akan didepositkan terus dengan MCD dan sebarang urusniaga dalam saham ini akan dijalankan selaras dengan Akta yang dinyatakan di atas dan Peraturan MCD.**

Pemohon hendaklah menyatakan nombor akaun CDSnya dalam ruang yang disediakan dalam Borang Permohonan sekiranya beliau mempunyai akaun sedemikian dan beliau tidak perlu memasukkan kod ADA pilihannya. Di mana pemohon belum lagi mempunyai akaun CDS, beliau hendaklah menyatakan dalam Borang Permohonan kod ADA pilihannya.

SC dan BSKL tidak akan bertanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat atau pandangan atau laporan yang dikemukakan dalam Prospektus ini. Kemasukan ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit Syarikat atau saham biasanya.

Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk memberi sebarang maklumat atau membuat sebarang representasi yang tidak terkandung dalam Prospektus ini berhubung dengan Terbitan Awam dan sekiranya diberi atau dibuat, maklumat atau representasi sedemikian tidak boleh dianggap sebagai telah dibenarkan oleh JLWIB. Penghantaran Prospektus ini atau mana-mana jualan yang dibuat berhubung dengan Prospektus ini tidak akan, dalam apa keadaan sekalipun, mengandungi representasi atau membentuk sebarang implikasi bahawa tiada perubahan dalam hal ehwal JLWIB atau Kumpulan sejak tarikh Prospektus ini.

Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham Terbitan Awam dalam beberapa bidang kuasa lain mungkin terbatas oleh undang-undang. Sesiapa yang memiliki Prospektus ini adalah dikehendaki memaklumkan diri mereka sendiri dan mematuhi sekatan sedemikian.



---

#### 4.0 PENGENALAN (*Samb*)

---

Prospektus ini tidak membentuk dan tidak boleh digunakan untuk tujuan tawaran untuk membeli mana-mana Saham Terbitan Awam dalam mana-mana bidangkuasa dalam mana pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang atau kepada sesiapa yang adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian.

**Sekiranya anda ragu-ragu tentang Prospektus ini, anda hendaklah meminta nasihat broker saham, pengurus bank, peguamcara, akauntan dan lain-lain penasihat profesional anda.**

---

## 5.0 MODAL SAHAM

---

	<b>RM</b>
<b>Dibenarkan:</b>	
- 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	<u>100,000,000</u>
<b>Diterbitkan dan berbayar penuh pada tarikh Prospektus ini:-</b>	
- 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	32,600,000
<b>Akan diterbitkan selaras dengan Terbitan Awam:-</b>	
- 7,400,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham	7,400,000
	<u>40,000,000</u>
<b>Harga Terbitan Awam setiap saham</b>	<b>2.20</b>

Harga terbitan RM2.20 setiap saham Terbitan Awam perlu dibayar penuh semasa permohonan.

Terdapat hanya satu kelas saham dalam JLWIB yang merupakan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Saham Terbitan Awam akan bertaraf pari passu dalam kesemua hubungan dengan lain-lain saham biasa sedia ada Syarikat yang diterbitkan dan berbayar, termasuk hak mengundi dan hak kepada semua dividen dan lain-lain agihan yang mungkin diisytiharkan selepas tarikh Prospektus ini.

Tertakluk kepada mana-mana hak khas yang terdapat pada mana-mana saham yang mungkin diterbitkan oleh Syarikat pada masa akan datang, pemegang saham Syarikat akan, mengikut perkadaran kepada jumlah berbayar ke atas saham yang dipegang oleh mereka, menjadi berhak untuk berkongsi dalam keseluruhan keuntungan yang dibayar oleh Syarikat sebagai dividen dan lain-lain agihan dan berhubung dengan mana-mana lebihan jika Syarikat dibubarkan.

Pada mana-mana mesyuarat agung Syarikat, setiap pemegang saham akan berhak untuk mengundi secara sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil, dan, atas unjukan tangan, setiap orang yang hadir yang merupakan pemegang saham atau wakil atau proksi pemegang saham akan mendapat satu undi, dan atas undian secara pol, setiap pemegang saham yang hadir sendiri atau melalui proksi atau melalui wakil atau lain-lain wakil yang dibenarkan akan mendapat satu undi bagi setiap saham yang dipegang. Proksi boleh tetapi tidak perlu menjadi ahli Syarikat.

---

## 6.0 BUTIR-BUTIR TERBITAN AWAM

---

### 6.1 Pembukaan dan Penutupan Senarai Permohonan

Senarai Permohonan bagi Saham Terbitan Awam akan dibuka pada jam 10.00 pagi pada 2 Mac 2000 dan akan terus dibuka sehingga jam 8.00 malam pada hari yang sama atau untuk satu tempoh atau lebih selanjutnya sebagaimana para Pengarah JLWIB pada budi bicara mutlak mereka mungkin putuskan.

### 6.2 Butir Terbitan Awam

Terbitan Awam adalah pelawaan oleh Syarikat kepada para Pengarah dan kakitangan Kumpulan JLWIB yang layak serta orang awam Malaysia, untuk memohon Terbitan Awan pada harga terbitan RM2.20 setiap saham, dibayar penuh semasa permohonan, atas terma dan syarat yang dibentangkan dalam Prospektus ini.

Terbitan Awam akan menjadi tertakluk kepada terma dan syarat Prospektus ini dan, atas penerimaan, Saham Terbitan Awam akan diperuntukkan dalam cara berikut:-

**(a) Pelabur Bumiputera yang Diluluskan**

300,000 Saham Terbitan Awam, mewakili 0.75% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar yang di perbesarkan Kumpulan telah disediakan untuk permohonan Pelabur Bumiputera yang diluluskan;

**(b) Para Pengarah dan Kakitangan Yang Layak**

2,000,000 Saham Terbitan Awam, mewakili 5.00% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan Kumpulan telah dirizabkan untuk para Pengarah dan kakitangan Kumpulan JLWIB yang layak; dan

**(c) Pelabur Awam Malaysia**

5,100,000 Saham Terbitan Awam mewakili 12.75% daripada modal saham diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan Kumpulan telah disediakan untuk permohonan oleh warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khas untuk individu, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Bumiputera.

300,000 Saham Terbitan Awam berhubung dengan perenggan 6.2 (a), yang akan diperuntukkan oleh MITI melalui pelawaan kepada Pelabur Bumiputera yang Diluluskan, tidak perlu ditaja-jamin dan oleh yang demikian tidak ditaja-jamin

2,000,000 Saham Terbitan Awam berhubung dengan perenggan 6.2 (b) di atas tidak perlu ditaja-jamin dan oleh yang demikian tidak ditaja-jamin. Sekiranya Saham Terbitan Awam tersebut tidak diambil oleh para pengarah dan kakitangan Kumpulan JLWIB yang layak, saham tersebut akan disediakan untuk permohonan oleh orang awam Malaysia dan pengaturan telah dibuat supaya saham tersebut ditaja-jamin dengan sepenuhnya oleh pengurus taja-jamin.

5,100,000 Saham Terbitan Awan disediakan kepada orang awam Malaysia yang disenaraikan di bawah perenggan 6.2(c) di atas telah ditaja-jamin sepenuhnya oleh Pengurus Taja Jamin dan Penaja Jamin sebagaimana dibentangkan dalam Seksyen 1 Prospektus ini.

---

## 6.0 BUTIR-BUTIR TAWARAN (*Samb*)

---

### 6.3 Justifikasi Harga Terbitan Awam

Harga terbitan awam RM2.20 setiap saham boleh dijustifikasi seperti berikut:

(a) **Pengganda PE dan Ramalan Perolehan**

Ramalan keuntungan selepas cukai Kumpulan JLWIB, bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000 adalah RM 5.866 juta. Berdasarkan purata wajaran bilangan saham yang diandaikan dalam terbitan sebanyak 16,572,582 saham JLWIB atas andaian bahawa Terbitan Awam akan disiapkan pada 31 Mac 2000, EPS bersihnya akan menjadi 35.4 sen. Selaras dengan itu, harga terbitan RM2.20 setiap saham mewakili ramalan pengganda PE bersih 6.2 kali. Perbandingan pengganda PE bersih 6.2 kali dengan syarikat yang disenaraikan yang terlibat dalam perniagaan yang serupa dijadualkan di bawah:

Nama Syarikat yang Disenaraikan	Pengganda PE Bersih (kali)
JLWIB	6.2
Timberwell Berhad	17.6*
Syarikat Binaan Budi Sawmill Berhad	33.0*
Serisar Industries Berhad	25.0*

\* *Sumber: Business Times, bertarikh 11 Februari 2000*

Ramalan pengganda PE bersih sebanyak 6.2 kali JLWIB adalah menarik memandangkan ia agak lebih rendah daripada pengganda PE bersih syarikat perikanan yang disebut di atas yang berkisar di antara 17.6 kali hingga 33.0 kali.

(b) **Proforma NTA Disatukan**

Proforma NTA disatukan selepas Cadangan Terbitan Awam berdasarkan akaun teraudit pada 30 September 1999 ialah RM67.331 juta atau RM1.68 setiap saham.

Cadangan harga terbitan RM2.20 setiap saham mewakili premium sebanyak RM0.52 atau 31.0% ke atas NTA setiap saham bernilai RM1.68.

(c) **Ramalan Dividen**

Syarikat diramal untuk mengisytihar dividen dikecualikan cukai sebanyak 10% bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000. Berdasarkan modal saham yang diperbesarkan sebanyak 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, ini menunjukkan kadar hasil dividen dikecualikan cukai sebanyak 4.5% berdasarkan cadangan harga terbitan RM2.20 setiap saham.

Lindungan dividen dikecualikan cukai sepadan adalah 1.5 kali berdasarkan ke atas keuntungan yang disatukan selepas cukai bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000.

## 6.0 BUTIR-BUTIR TAWARAN (*Samb*)

Kadar hasil dividen dikecualikan cukai JLWIB sebanyak 4.5% adalah munasabah berbanding dengan syarikat yang disenaraikan yang serupa sebagaimana ditunjukkan di bawah:-

Nama Syarikat yang Disenaraikan	Kadar Hasil Dividen Bersih (%)
JLWIB	4.5
Syarikat Binaan Budi Sawmill*	1.1*
Serisar Industries Berhad*^	2.6*

\* Sumber : *Business Times*, 11 Februari 2000

^ Pengecualian cukai

## 6.4 Tujuan Terbitan Awam

Tujuan Terbitan Awam adalah seperti berikut:-

- Untuk menyediakan peluang kepada pelabur Malaysia serta para Pengarah dan kakitangan Kumpulan JLWIB yang layak, untuk turut serta dalam pertumbuhan berterusan Kumpulan;
- Untuk meningkatkan penyertaan ekuiti Bumiputera dalam JLWIB sejajar dengan aspirasi Dasar Pembangunan Negara;
- Untuk membolehkan penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham berbayar sebanyak 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua BSKL; dan
- Untuk menyediakan JLWIB laluan yang lebih mudah ke pasaran modal untuk membiayai pertumbuhan berterusan masa depannya.

## 6.5 Perolehan Terbitan Awam

Terbitan Awam dijangka akan mengumpul sekurang-kurangnya hasil kasar bernilai RM16,280,000, yang akan terakru kepada Syarikat.

Jumlah anggaran bernilai RM1.7 juta bagi komisyen taja jamin dan pembrokeran yang berkaitan dengan Terbitan Awam dan segala perbelanjaan berkaitan dengan penyenaiaan dan sebut harga untuk keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar JLWIB pada Papan Kedua KLSE akan ditanggung oleh Syarikat.

Hasil dari Terbitan Awam bernilai RM16,280,000, akan digunakan seperti berikut:-

	<b>RM'000</b>
Perbelanjaan modal	8,800
Modal kerja	5,780
Anggaran perbelanjaan penyenaiaan	1,700
	<u>16,280</u>

Perbelanjaan dan yuran berkaitan dengan semua langkah korporat yang membawa kepada penyenaiaan dan sebut harga bagi saham biasa JWLIB pada Papan Kedua BSKL, dianggarkan kira-kira RM1.7 juta, akan ditanggung oleh Syarikat.

## 6.0 BUTIR-BUTIR TAWARAN (Samb)

*Nota :*

(i) **Perbelanjaan Modal**

*Kira-kira RM8,800,000 daripada hasil kutipan Terbitan Awam akan digunakan untuk perbelanjaan modal seperti berikut:*

<i>Butiran Mesin</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Anggaran Kos RM</i>
<i>Pengering Jet Venir Gelung</i>	<i>1 set penghantar suap dalam dan penghantar suap luar dan 2 set suapan automatik 15 inci</i>	<i>3,100,000</i>
<i>Dandang 30 tan</i>	<i>1 unit</i>	<i>2,400,000</i>
<i>Kenderaan Bermotor (pacuan 4 roda)</i>	<i>1 unit</i>	<i>300,000</i>
<i>Infrastruktur dan pemagaran ke atas tanah sedia ada berjumlah 78.5 ekar</i>		<i>3,000,000</i>
<b>JUMLAH</b>		<b>8,800,000</b>

*Pemerolehan pengering jet venir gelung adalah untuk pengeringan yang lebih efektif bagi mengurangkan pengecutan. Pemasangan pengering venir dijangka bermula pada Mac 2000 dan akan lengkap sepenuhnya pada Jun 2000. Pemasangan pengering venir dijangka meningkatkan pengeluaran venir Kumpulan sebanyak 2,500 meter padu sebulan. Memandangkan bertambahnya pengeluaran venir, syarikat memerlukan penambahan dandang 30 tan bagi pengeluaran stim untuk pengering venir tambahan.*

*Kenderaan pacuan 4 roda diperlukan untuk pengangkutan pergi dan balik dari kompleks kayu bersepadu di Tatau, Bintulu. Pemagaran adalah untuk meningkatkan keselamatan dan mengelak pencerobohan memandangkan kompleks kayu bersepadu ini terletak di lebuh raya Trans-Borneo. Infrastruktur termasuklah jalan dan sistem saliran dalam lingkungan 31 hektar kompleks kayu bersepadu tersebut.*

(ii) **Modal Kerja**

*Pada masa ini untuk tujuan modal kerja, Kumpulan JLWIB menggunakan sejumlah besar daripada kemudahan kewangan dan overdraf dari berbagai institusi kewangan. Kira-kira RM5.78 juta hasil perolehan dari Terbitan Awam dicadangkan untuk digunakan bagi tujuan modal kerja untuk Kumpulan JLWIB. Dana kewangan ini akan digunakan untuk membiayai operasi harian Kumpulan yang akan mengakibatkan penjimatan faedah yang besar dengan julat dari RM0.52 juta hingga RM0.69 juta setahun berbanding dengan keperluan mendapatkan pinjaman kredit dari berbagai institusi kewangan yang mempunyai kadar faedah antara 9% hingga 12% setahun.*

## 6.6 Pembrokeran dan Komisyen Taja Jamin

Pembrokeran dibayar oleh Syarikat pada kadar 1.0% daripada harga terbitan RM2.20 setiap Saham Terbitan Awam berhubung dengan permohonan yang berjaya membawa tanda cap Amanah, syarikat ahli BSKL, ahli Persatuan Bank di Malaysia, ahli Persatuan Bank Saudagar di Malaysia atau MIDFCCS.

Pengurus Taja Jamin dan Penaja Jamin seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 1 prospektus in telah bersetuju untuk manjamin 5,100,000 Saham Terbitan Awam yang tersedia untuk dipohon oleh orang awam Malaysia. Pengurus Taja Jamin seterusnya bersetuju untuk menaja jamin sebarang Saham Terbitan Awam yang dirizabkan tetapi tidak diambil oleh para pengarah dan kakitangan yang layak Kumpulan JLWIB. Komisen Taja Jamin dibayar oleh Syarikat dengan kadar 1.5% dan harga terbitan bernilai RM2.20 setiap Saham Terbitan Awam.

## 7.0 MORATORIUM KE ATAS PENJUALAN SAHAM

SC dalam meluluskan pengapungan JLWIB di Papan Kedua BSKL, telah mengenakan moratorium ke atas pelupusan saham yang dipegang oleh pemegang saham utama/penganjur JLWIB. Dengan itu, pemegang saham utama/penganjur JLWIB tidak akan dibenarkan menjual, memindah atau menyerahkan hak bahagian saham masing-masing dalam JLWIB yang mewakili empat puluh lima peratus (45%) daripada modal saham JLWIB yang diperbesarkan dalam masa satu (1) tahun dari tarikh kemasukan Syarikat ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL. Selepas itu mereka dibenarkan menjual, memindah atau menyerahkan hak saham masing-masing di dalam JLWIB tertakluk kepada maksimum satu pertiga (1/3) setahun atas dasar garisan lurus daripada saham di bawah moratorium tersebut.

Oleh yang demikian, saham di bawah moratorium yang dikenakan oleh SC dan KLSE adalah seperti berikut:

Peme- gang Saham	Bil. saham JLWIB selepas Terbitan Awam		<----- Bil. saham JLWIB di bawah moratorium ----->							
			Tahun 1*		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4	
			Bil. saham	%	Bil. saham	%	Bil. saham	%	Bil. saham	%
JLO	15,022,116**	37.56	9,631,355	24.1	6,420,904	16.1	3,210,452	8.0	-	-
IDSB	8,476,000	21.19	5,434,346	13.5	3,622,897	9.1	1,811,448	4.5	-	-
JSB	1,916,476	4.79	1,228,739	3.1	819,159	2.0	409,580	1.0	-	-
JLCD	2,660,178	6.65	1,705,560	4.3	1,137,040	2.8	568,520	1.4	-	-
Jumlah	28,074,770	70.19	18,000,000	45.0	12,000,000	30.0	6,000,000	15.0	-	15.00

**Nota:**

\* *Moratorium ke atas penjualan, pemindahan dan penyerahan hak saham JLWIB selama satu (1) tahun dari tarikh kemasukan JLWIB ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL.*

\*\* *Saham JLO didalam JLWIB dipegang atas name berdaftar CIMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd. dan O.S.K. Nominees (Tempatan) Sdn Bhd.*

Sebagai mematuhi Seksyen 10.12 Dasar dan Garis Panduan SC mengenai Terbitan/Tawaran Sekuriti, semua pemegang saham JLO, IDSB, JSB dan JLCD (termasuk pemegang saham individu terakhir mereka) memberi akujanji kepada SC bahawa mereka tidak akan menjual, menyerahkan hak atau memindahkan pemegangan saham mereka secara langsung dan tidak langsung dalam JLO, IDSB, JSB dan JLCD dari tarikh kemasukan JLWIB ke Senarai Rasmi Papan Kedua BSKL sehingga tamatnya tempoh moratorium yang dikenakan ke atas JLO, IDSB, JSB dan JLCD oleh SC bagi penjualan saham JLWIB.

Kata-kata yang perlu diendors ke atas siji saham bagi saham yang dikenakan moratorium adalah seperti berikut:

*“Saham yang terkandung di dalam siji ini tidak dapat dijual, dipindah atau diserahkan hak bagi tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya Sekuriti (“tempoh moratorium”). Saham yang terkandung di dalam siji ini tidak akan membentuk penyerahan yang sah mengikut Peraturan Bursa di dalam tempoh moratorium. Tiada satu siji saham atau lebih akan diterbitkan bagi mengganti siji saham ini di dalam tempoh moratorium melainkan siji tersebut akan diendors dengan sekatan ini.”*

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB

### 8.1 Sejarah dan Kegiatan Utama

JLWIB telah diperbadankan di Malaysia pada 8 Ogos 1998 di bawah Akta Syarikat, 1965, sebagai sebuah syarikat awam berhad. Syarikat pada masa ini mempunyai modal saham yang dibenarkan sebanyak RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana 32,600,000 saham biasa telah diterbitkan dan berbayar penuh. JLWIB pada dasarnya merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan. Anak syarikatnya terlibat terutamanya dalam kegiatan perniagaan berikut:

Syarikat	Kegiatan Utama
JLWIB	Syarikat Pemegang Pelaburan.
JLT	Pemasaran dan Pengedaran kayu dan keluaran kayu.
SMNT	Pengilang kayu yang digergaji dan diacuankan (termasuk pengumaian am, cantuman jejeri keluaran berlaminasi dan bahan binaan kayu seperti, pintu, bingkai tingkap dan struktur kayu bagi kekuda bumbung), lantai parket Ultra-Violet (UV), arang briket, venir dan perkhidmatan tanur pengeringan.
ASB	Pergudangan, perawatan kimia untuk kayu yang digergaji dan penjualan keluaran kayu.
JLB	Kontraktor untuk pengilangan arang briket.

### 8.2 Skim Penyusunan Semula dan Pengapungan Awam

Sebagai bahagian penting memohon penyenaraian dan sebutharga bagi keseluruhan modal diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 40,000,000 saham biasa JLWIB pada Papan Kedua BSKL, Syarikat telah melaksanakan langkah penyusunan semula yang telah diluluskan oleh SC pada 22 November, 1999, MITI pada 9 Februari, 1999 dan 24 February 1999 dan 27 December 1999 dan 31 Januari 2000 dan FIC pada 11 Februari 1999 dan 18 Januari 2000. Langkah penyusunan semula terdiri daripada yang berikut:

#### (a) Skim Penyusunan Semula

##### (i) Langkah Penilaian Semula

Harta ASB, sebuah anak syarikat JLT, dan SMNT telah dinilai semula berdasarkan laporan penilaian bebas masing-masing bertarikh 4 November 1998 dan 1 Disember 1998 yang telah dijalankan oleh jurunilai dan juruukur profesional bebas, C. H. Williams, Talhar, Wong & Yeo Sdn. Bhd. dimana harta tersebut telah dinilai dengan Penilaian Kaedah Kos dengan nilai tanah dinilai dengan Penilaian Kaedah Perbandingan Jualan dan nilai bangunan pula, dengan Pendekatan Kos Penggantian Disusut nilai. Harga pasaran terbuka harta ASB dan SMNT, dengan hak milik yang bebas dari lien dan bebanan, adalah masing-masing RM2.67 juta dan RM41.03 juta.

Pada 22 November 1999, SC telah mengkaji semula harga pasaran harta ASB dan SMNT masing-masing berjumlah sebanyak RM2,668,000 dan RM28,000,000. Kemunculan lebih penilaian semula selepas itu yang berjumlah RM1.18 juta dan RM11.19 juta yang masing-masing akan dimasukkan ke dalam Akaun Rizab Penilaian Semula ASB dan SMNT bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000.



## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

### (ii) Pengambilalihan JLT

Pengambilalihan oleh JLWIB akan keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar dalam JLT terdiri daripada 10,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan RM20,540,450 dijelaskan sepenuhnya melalui terbitan 13,435,242 Saham Baru JLWIB pada harga terbitan RM1.53 setiap saham. Pengambilalihan JLT telah selesai dilaksanakan pada 18 Januari 2000. Jumlah balasan pembelian telah dijelaskan sepenuhnya melalui pengumpulan dan penerbitan Saham Baru JLWIB dalam cara berikut:-

#### PEMEGANGAN SAHAM DALAM JLT

Vendor JLT	Bil. saham	%	Bil. Saham baru JLWIB diterbitkan
IDSB	2,600,000	26.00	3,493,164
Edwin Ak Banta	1,000,000	10.00	1,343,524
JLO	2,717,500	27.17	3,651,028
Penta Jaya Sdn Bhd	330,000	3.30	443,363
Enviroland Sdn Bhd	165,000	1.65	221,681
JLCD	1,980,000	19.80	2,660,178
Good Noble Sdn Bhd	82,500	0.83	110,841
Seng Kin Sdn Bhd	165,000	1.65	221,681
Teng Yin Hock	82,500	0.83	110,841
Tie Mee Leng	165,000	1.65	221,681
Tham Kien Wei	300,000	3.00	403,057
Lian Giap Timber Pte Ltd	165,000	1.65	221,681
Lee Eng Khiam	165,000	1.65	221,681
Seetoh Kwok Weng	82,500	0.82	110,841
Jumlah	10,000,000	100.00	13,435,242

#### Nota:

\* Saham JLO di dalam JLWIB dipegang atas nama pendaftaran CIMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan O.S.K. Nominees (Tempatan) Sdn Bhd

Balasan pembelian sebanyak RM20,540,450 bagi pengambilalihan telah dipersetujui berasaskan pembeli bersedia penjual bersedia selepas mengambilkira NTA teraudit Kumpulan JLT pada 30 Jun 1999 sebanyak RM19,360,737 dan lebihan penilaian semula sebanyak RM1,179,713 bagi penilaian semula harta ASB sebagaimana diluluskan oleh SC pada 22 November 1999. Harga terbitan RM1.53 setiap saham JLWIB telah dipersetujui selepas menimbangkan penahanan rizab yang diperlukan menurut garis panduan SC.

13,435,242 Saham Baru JLWIB telah diterbitkan bebas daripada semua gadaian, lien dan bebanan dan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham biasa sedia ada JLWIB dan membawa semua hak untuk menerima sepenuhnya semua dividen dan lain-lain pengagihan yang diisytiharkan dan dibayar selepas daripada pengumpulannya.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

### (iii) Pengambilalihan SMNT

Pengambilalihan oleh JLWIB akan keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar dalam SMNT terdiri daripada 3,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan bernilai RM29,300,009 dijelaskan sepenuhnya melalui terbitan 19,164,756 Saham Baru JLWIB pada harga terbitan RM1.53 setiap saham. Pengambilalihan SMNT telah selesai dilaksanakan pada 18 Januari 1999. Jumlah balasan pembelian telah dijelaskan sepenuhnya melalui pengumpulan dan penerbitan Saham Baru JLWIB dalam cara berikut:-

#### PEMEGANGAN SAHAM DALAM SMNT

Vendor SMNT	Bil. saham	%	Bil. Saham Baru JLWIB yang diterbitkan
IDSB	780,000	26.00	4,982,836
JSB	300,000	10.00	1,916,476
JLO	1,780,000	59.33	11,371,088*
Tham Kien Wei	90,000	3.00	574,943
Wong Kee Yew	50,000	1.67	319,413
Jumlah	3,000,000	100.00	19,164,756

**Nota:**

*Saham JLO di dalam JLWIB dipegang atas nama pendaftaran CIMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd dan O.S.K. Nominees (Tempatan) Sdn Bhd*

Balasan pembelian sebanyak RM29,300,009 bagi pengambilalihan telah dipersetujui berasaskan pembeli bersedia penjual bersedia selepas mengambilkira NTA teraudit Kumpulan SMNT pada 30 Jun 1999 sebanyak RM18,112,505 dan lebih penilaian semula sebanyak RM11,187,504 bagi penilaian semula harta SMNT sebagaimana diluluskan oleh SC pada 22 November 1999. Harga terbitan RM1.53 setiap saham JLWIB telah dipersetujui selepas menimbangkan penahanan rizab yang diperlukan menurut garis panduan SC.

19,164,756 Saham Baru JLWIB telah diterbitkan bebas daripada semua gadaian, lien dan bebanan dan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham biasa sedia ada JLWIB dan membawa semua hak untuk menerima sepenuhnya dividen dan lain-lain pengagihan yang diisytiharkan dan dibayar selepas daripada pengumpulannya.

### (iv) Terbitan Awam

Terbitan awam sebanyak 7,400,000 Saham Terbitan Awam pada harga terbitan RM2.20 setiap saham perlu dibayar sepenuhnya semasa permohonan yang akan diperuntukkan dalam cara berikut:

- (i) 300,000 Saham Terbitan Awam akan dirizabkan bagi Pelabur Bumiputera yang di luluskan;
- (ii) 2,000,000 Saham Terbitan Awam akan dirizabkann bagi kesemua para Pengarah dan kakitangan Kumpulan JLWIB; dan

---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB *(Samb)*

---

- (iii) 5,100,000 Saham Terbitan Awam akan disediakan untuk permohonan oleh warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia, yang mana sekurang-kurangnya 30% akan diketepikan khusus untuk individu, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Bumiputera.

**(b) Penyenaraian**

Penyenaraian dan sebutharga bagi keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak RM40,000,000 terdiri daripada 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua BSKL.

## 8.3 Modal Saham

**(a) Modal Saham Dibenarkan**

Modal saham JLWIB yang dibenarkan pada masa ini ialah RM100,000,000 terdiri daripada 100,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

**(b) Modal Saham Diterbitkan dan Berbayar**

Modal saham JLWIB yang diterbitkan dan berbayar pada masa ini ialah RM32,600,000 terdiri daripada 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Butir-butir perubahan dalam modal saham berbayar sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh pengumpulan	Bil. saham dipengumpulkan	Nilai Tara RM	Balasan	Jumlah modal diterbitkan dan berbayar RM
08.08.98	2	1.00	Saham pelanggan	2
18.01.2000	32,599,998	1.00	Saham diterbitkan berikutan pengambilalihan JLT dan SMNT pada RM1.53 setiap saham	32,600,000

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

### 8.4 Senarai harta Kumpulan JLWIB adalah seperti berikut:-

No. Hakmilik/ Lokasi	(Pemilik Berdaftar)/ Keterangan	Tahun Dibina	Tempoh Pegangan	Luas Tanah/ (Luas Terbina)	Nilai Buku Bersih pada 30 Jun 1998 RM	Nilai Buku Bersih pada 30 Sept. 1999 RM	Nilai pasaran terbuka oleh jurunilai bebas RM	Nilai pasaran terbuka yang diluluskan oleh SC RM	Lebih penilaian semula yang diluluskan oleh SC* RM
Dibawah SMNT: (a) Lot 543, Blok 22, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu;	(a) (SMNT)/Lot 543, Blok 22, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kilang papan yang terletak dalam kawasan terbuka kayu dan struktur besi	1994	Bebas	1.08 hektar/1,934 mt. per.	243,677	236,333	810,000		
(b) Tatau Pajakan 5504, Tatau, Bintulu; dan	(b) (SMNT)/ Tatau Pajakan 5504, Tatau, Bintulu Tanah Kosong	n.a.	Pajakan/(luput pada 31/12/2010)	2,064 mt. per.	27,857	25,183	30,000		
(c) Lot gabungan Lot 64, 72, 184, 211, 216, 252, 231, 545, 547 dan 213 Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu**	(c) ( SMNT)/Lot Gabungan:  Lot 64, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kuarters kakitangan satu tingkat  Lot 72, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Tanah kosong  Lot 184, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu 3 kilang venir satu tingkat berstruktur besi terbuka tepi dengan lantai kepingan konkrit  Lot 211, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Gudang satu tingkat berbumbung tinggi dan curam, berstruktur besi terbuka dengan lantai kepingan konkrit				16,540,962	18,653,724	40,191,000		
		1998	Pajakan/(luput pada 31/12/2023)	2.08 hektar/1,013 mt. Per.					
		n.a.	Pajakan/(luput pada 31/12/2023)	5.25 hektar					
		1997	Bebas	3.01 hektar/ 29,335 mt. per.					
		1997	Bebas	1.54 hektar/5,001 mt. per.					

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

No. Hakmilik/Lokasi	(Pemilik Berdaftar)/ Keterangan	Tahun Dibina	Tempoh Pegangan	Luas Tanah/ (Luas Terbina)	Nilai Buku Bersih pada 30 Jun 1998 RM	Nilai Buku Bersih pada 30 Sept. 1999 RM	Nilai pasaran terbuka oleh jurunilai bebas RM	Nilai pasaran terbuka yang diluluskan oleh SC RM	Lebih penilaian semula yang diluluskan oleh SC* RM
	Lot 216, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Lapangan balak	n.a.	Bebas	1.49 hektar					
	Lot 252, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Lapangan balak	n.a.	Bebas	5,747 mt. per.					
	Lot 231, Blok 22, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kilang pengumaian am	1991	Bebas	1.62 hektar/7,432 mt. per.					
	Lot 545, Blok 22, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kilang papan, gudang, dan kilang pengumaian am	1991	Bebas	2.72 hektar/ 20,196 mt. per.					
	Lot 547, Blok 22, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kilang arang dan cantuman jejari dan laminasi satu tingkat, berbumbung tinggi dan curam, struktur terbuka dengan lantai kepingan konkrit	1997	Bebas	5.65 hektar/ 17,051 mt. per.					
	Lot 213, Daerah Tanah Buan, Tatau, Bintulu Kuarters kayu dua tingkat dan kantin di dalam kawasan kilang pemprosesan kayu bersepadu	1998	Bebas	6.68 hektar/ 3,505 mt. per.					

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

No. Hakmilik/Lokasi	(Pemilik Berdaftar)/ Keterangan	Tahun Dibina	Tempoh Pegangan	Luas Tanah/ (Luas Terbina)	Nilai Buku Bersih pada 30 Jun 1998 RM	Nilai Buku Bersih pada 30 Sept. 1999 RM	Nilai pasaran terbuka oleh jurunilai bebas RM	Nilai pasaran terbuka yang diluluskan oleh SC RM	Lebih penilaian semula yang diluluskan oleh SC* RM
Jumlah kecil (SMNT)					16,812,496	18,915,240	41,031,000	28,000,000	11,187,504
Dibawah ASB (d) Lot 2605, Blok 32, Daerah Tanah Kemena, Bintulu	(ASB) Gudang dan bangunan loji rawatan kimia satu tingkat dan bercarun dua	1995	Pajakan/(luput pada 17/07/2056)	1.4 hektar/ 5,285 mt. per.	1,488,287	1,253,093	2,668,000	2,668,000	1,179,713
<b>JUMLAH</b>					18,300,783	20,168,333	43,699,000	30,668,000	12,367,217

Nota:

\* Berdasarkan nilai buku bersih harta tanah SMNT dan ASB pada 30 Jun 1998

\*\* Permohonan JLWIB bagi pengabungan dan pelbagaian syarat hakmilik dari kegunaan "pertanian" kepada "perindustrian" berhubung dengan hakmilik individu berkenaan telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancangan Negeri Sarawak. JLWIB kini sedang menunggu kelulusan bertulis daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Bintulu bagi melaksanakan penilaian premium ke atas hakmilik yang sama. Dengan itu premium bagi pelbagaian syarat hakmilik masih belum dibayar. Selaras dengan syarat SC bagi kelulusan penyenaian JLWIB pada Papan Kedua BSKL, JLWIB dikehendaki memberikan minimum satu (1) laporan kemajuan suku tahunan bayaran premium sehingga satu masa dimana premium penukaran kegunaan hakmilik dijelaskan.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

Sehubungan dengan pengapungannya di Papan Kedua BSKL, Syarikat telah melaksanakan penilaian semula keatas harta yang dinyatakan di atas dengan jumlah nilai pasaran terbuka sebanyak RM43.7 juta. Penilaian semula tersebut telah dijalankan oleh jurunilai dan juruukur profesional bebas C. H. Williams, Talhar, Wong & Yeo Sdn. Bhd. di mana harta dinilai dengan menggunakan Penilaian Kaedah Kos, dengan nilai tanah dinilai dengan Penilaian Kaedah Perbandingan Jualan dan nilai bangunan dengan Pendekatan Kos Penggantian Disusut nilai pada 4 November 1998 dan 1 Disember 1998. Pada 22 November 1999, SC telah meluluskan lebih penilaian semula bagi harta ASB dan SMNT yang masing-masing berjumlah RM1,179,713 dan RM11,187,504 berasaskan Nilai Buku Bersih harta JLT dan SMNT pada 30 Jun 1998. Lebih penilaian semula akan dimasukkan ke dalam Akaun Rizab Penilaian Semula ASB dan SMNT bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000.

## 8.5 Maklumat Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Pada tarikh Prospektus ini, JLWIB mempunyai anak syarikat seperti berikut:

Nama Syarikat	Tarikh dan tempat pemerbadanan	Modal yang diterbitkan dan berbayar (RM'000)	Faedah Ekuiti dikenakan (%)	Kegiatan Utama
JLT	04.06.1993 (Malaysia)	10,000	100.00	Pemasaran dan pengedaran kayu dan keluaran kayu.
SMNT	13.07.1985 (Malaysia)	3,000	100.00	Mengilang kayu yang digergaji dan diacuankan (termasuk pengumaian am, keluaran cantuman jejari berlamina, bahan binaan kayu seperti pintu, bingkai tingkap, struktur kayu bagi kekuda bumbung) lantai parket UV, arang briket, venir dan perkhidmatan tanur pengeringan.
ASB	18.11.1989 (Malaysia)	1,000	100.00	Rawatan kimia untuk kayu yang digergaji, penyimpanan dan penjualan kayu tersebut serta bahan bangunan yang berkaitan.
JLB	19.09.1996 (Malaysia)	100	100.00	Kontraktor untuk pengilangan arang briket.

Pada 10 Februari 2000, JLWIB atau anak syarikatnya tidak mempunyai syarikat bersekutu.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

### 8.5.1 JLT

#### (a) Sejarah dan Perniagaan

JLT telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 4 Jun 1993 di bawah nama Jin Lin Trading Sdn. Bhd. Modal saham semasa yang dibenarkan ialah RM10,000,000 terdiri daripada 10,000,000 saham bernilai RM1.00 sesaham yang mana 10,000,000 saham biasa telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Kegiatan utama JLT adalah pemasaran dan pengedaran kayu dan keluaran kayu.

#### (b) Perubahan dalam Modal Saham

Butir-butir mengenai perubahan dalam modal saham JLT yang diterbitkan dan berbayar sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh Pengumpulan	Bil. saham biasa	Nilai Tara RM	Balasan RM	Jumlah modal diterbitkan dan berbayar RM
04.06.1993	2	1.00	Tunai	2.00
18.10.1993	999,998	1.00	Tunai	1,000,000
02.11.1995	9,000,000	1.00	Tunai	10,000,000

#### (c) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen JLT berdasarkan akaun yang teraudit bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1995 hingga 1999 dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	<----- Tahun Kewangan 30 Jun ----->					3 bulan berakhir 30.09.1999 RM'000
	1995 RM'000	1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
Jumlah dagangan	58,449	61,419	63,534	61,017	86,401	29,415
Keuntungan sebelum susut nilai dan faedah	1,144	1,894	4,266	6,518	5,776	1,388
Susut nilai	(111)	(162)	(203)	(214)	(192)	(30)
Perbelanjaan faedah	(218)	(262)	(1,075)	(1,876)	(1,375)	(188)
Keuntungan sebelum cukai	815	1,470	2,988	4,428	4,209	1,170
Cukai	(277)	(399)	(948)	(1,326)	(10)	(508)
Keuntungan selepas cukai	538	1,071	2,040	3,102	4,199	662
Purata wajaran bilangan saham dalam terbitan ('000)	1,000	7,000	10,000	10,000	10,000	10,000
EPS kasar (sen)	81.50	21.00	29.88	44.28	42.09	*46.80
EPS bersih (sen)	53.80	15.30	20.40	31.02	41.99	*26.48
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-	-	-



---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

---

\* *Disetahunkan*

**Nota:**

- (i) *Jumlah dagangan JLT mewakili jualan inbois balak dan keluaran berkaitan kayu.*
- (ii) *Kenaikan yang ketara dalam jumlah dagangan pada tahun kewangan 1999 adalah terutamanya disebabkan oleh pemulihan yang teguh dalam permintaan keluaran kayu dari negara Asia bagi setengah tahun pertama 1999.*
- (iii) *Peningkatan dalam keuntungan selepas cukai dalam tahun kewangan 1996 adalah bersamaan dengan peningkatan dalam jumlah dagangan bagi tempoh tersebut. Peningkatan dalam keuntungan selepas cukai dalam tahun kewangan 1997 dan 1998 adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam margin untung kasar disebabkan oleh keberkesanan operasi yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kepelbagaian keluaran kayu terutamanya kayu diacuankan.*
- (iv) *Kadar cukai yang dikenakan adalah lebih tinggi dari kadar cukai berkanun bagi tahun 1995, 1997 dan 1998 disebabkan perbelanjaan tertentu yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai.*
- (v) *Perbelanjaan cukai pada tahun kewangan 1999 mewakili penyelarasan peruntukan cukai yang berkurang bagi tahun yang lepas. Tiada cukai yang diperuntukkan bagi tempoh kewangan 1999 memandangkan tempoh kewangan jatuh dalam tahun taksiran 2000 di mana cukai ke atas pendapatan diperoleh diketepikan menurut 8 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999.*
- (vi) *Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.*
- (vii) *EPS kasar dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.*
- (viii) *EPS bersih dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.*

**(d) Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu**

Pada 10 Februari 2000, JLT hanya mempunyai sebuah anak syarikat, iaitu ASB dan tiada syarikat bersekutu.

### 8.5.2 ASB

**(a) Sejarah dan Perniagaan**

ASB telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 18 November 1989 di bawah nama Akitiasa Sdn. Bhd. Modal saham yang dibenarkan pada masa ini ialah RM1,000,000 terdiri daripada 1,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham yang mana 1,000,000 saham biasa telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Kegiatan utama ASB adalah pergudangan, rawatan kimia bagi kayu yang digergaji dan penjualan keluaran kayu.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB *(Samb)*

### (b) *Perubahan dalam Modal Saham*

Butir-butir mengenai perubahan dalam modal saham ASB yang diterbitkan dan berbayar sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Pegumpulan	Bil. saham biasa	Nilai tara RM	Balasan	Jumlah modal diterbitkan dan berbayar RM
25.11.1989	2	1.00	Tunai	2
15.03.1990	24,998	1.00	Tunai	25,000
11.04.1994	225,000	1.00	Tunai	250,000
11.05.1996	750,000	1.00	Tunai	1,000,000

### (c) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen ASB berdasarkan akaun yang teruadit bagi lima (5) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1995 hingga 1999 dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	<----- Tahun kewangan berakhir 30 Jun ----->					3 bulan
	1995	1996	1997	1998	1999	berakhir
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	30.09.99
						RM'000
Jumlah dagangan	100	900	4,929	6,573	8,367	2,502
Keuntungan sebelum susut- nilai dan faedah	45	106	472	590	612	123
Susutnilai	(229)	(272)	(282)	(295)	(295)	(57)
Perbelanjaan faedah	(58)	(139)	(142)	(130)	(196)	(6)
Keuntungan/(kerugian) sebelum Cukai	(242)	(305)	48	165	121	(60)
Cukai	-	-	-	(57)	-	(25)
Keuntungan/(kerugian) selepas cukai	(242)	(305)	48	108	121	35
Purata wajaran bilangan saham yang diterbitkan (*000)	250	313	1,000	1,000	1,000	1,000
EPS/(Kerugian) kasar setiap saham (sen)	(96.80)	(97.44)	4.80	16.50	12.10	*24.00
EPS/(Kerugian) bersih setiap saham (sen)	(96.80)	(97.44)	4.80	10.80	12.10	*14.00
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-	-	-

\* *Disetahunkan*

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

**Nota:**

- (i) Jumlah dagangan ASB mewakili pendapatan dari pergudangan, rawatan kimia bagi kayu yang digergaji dan perdagangan keluaran kayu.
- (ii) Jumlah dagangan bagi tahun kewangan 1996 meningkat sebanyak lapan kali ganda dari tahun sebelumnya disebabkan oleh sumbangan dari caj rawatan kimia, pendapatan dari penyimpanan stor dan jualan kayu digergaji. Peningkatan dalam jumlah pendapatan dalam tahun kewangan 1997 hingga 1998 adalah disebabkan oleh peningkatan di dalam jualan kayu di gergaji, caj rawatan kimia dan pendapatan dari pertambahan keluaran baru iaitu jualan bahan binaan.
- (iii) Peningkatan dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 1997 dan 1999 adalah bersamaan dengan peningkatan dalam jumlah jualan.
- (iv) Dalam tahun kewangan 1997, tidak ada liabiliti cukai memandangkan penggunaan kerugian cukai telah dibawa ke hadapan. Kadar cukai yang dikenakan pada tahun kewangan 1998 adalah lebih tinggi dari kadar berkanun disebabkan perbelanjaan tertentu yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai.
- (v) Tiada cukai diperuntukkan bagi tempoh kewangan 1999 memandangkan tahun kewangan jatuh dalam tahun taksiran 2000 di mana cukai ke atas pendapatan diperoleh diketepikan selaras Seksyen 8, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999.
- (vi) Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan kesemua tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.
- (vii) Perolehan/(kerugian) kasar setiap saham dikira berdasarkan keuntungan/kerugian sebelum cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.
- (viii) Perolehan/(kerugian) bersih setiap saham dikira berdasarkan keuntungan/kerugian selepas cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.

**(d) Anak Syarikat dan Syarikat Bersekutu**

Pada 10 Februari 2000, ASB tidak mempunyai sebarang anak syarikat atau syarikat bersekutu.

### 8.5.3 SMNT

**(a) Sejarah dan Perniagaan**

SMNT telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 13 Julai 1985 di bawah nama Syarikat Mustapha & Ngu Timber Sdn. Bhd. Modal saham semasa yang dibenarkan ialah RM5,000,000 terdiri daripada 5,000,000 saham bernilai RM1.00 sesaham di mana 3,000,000 saham biasa telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Kegiatan utama SMNT adalah dalam pengilangan kayu yang digergaji dan diacuankan (termasuk pengumaian am, keluaran cantuman-jejari berlamina, bahan binaan kayu seperti pintu, bingkai tingkap dan kayu struktur untuk kekuda bumbung) lantai parket UV, arang briket, venir dan perkhidmatan tanur pengeringan.

**(b) Perubahan dalam Modal Saham**

Butir-butir mengenai perubahan dalam modal saham SMNT yang diterbitkan dan berbayar sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:-

Tarikh Pengumpulan	Bil. saham biasa	Nilai Tara RM	Balasan RM	Jumlah modal diterbitkan dan berbayar RM
13.07.1985	7,000	1.00	Tunai	7,000
06.07.1987	393,000	1.00	Tunai	400,000
14.11.1996	1,376,000	1.00	Tunai	1,776,000
21.02.1997	1,224,000	1.00	Tunai	3,000,000

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

### (c) Rekod Keuntungan dan Dividen

Ringkasan dari keputusan akaun teraudit SMNT bagi enam (6) tahun tempoh kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1999 dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	<----- Teraudit ----->						
	Tahun kewangan berakhir 31.12.94 RM'000	6 bulan berakhir 30.6.1995 RM'000	<-----Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun ----->				
			1996 RM'000	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	
Jumlah dagangan	1,686	853	14,628	20,225	28,315	64,187	19,520
Keuntungan/ (Kerugian) sebelum susutnilai dan faedah	(29)	(5)	883	3,506	8,267	17,397	4,017
Susutnilai	(6)	-	-	(827)	(2,136)	(3,544)	(938)
Perbelanjaan faedah	(9)	-	(156)	(324)	(1,879)	(6,086)	(923)
Keuntungan/ (Kerugian) sebelum cukai	(44)	(5)	727	2,355	4,252	7,767	2,156
Cukai	-	-	(185)	(83)	83	-	-
Keuntungan/ (Kerugian) selepas cukai	(44)	(5)	542	2,272	4,335	7,767	2,156
Bilangan purata wajaran Saham dalam terbitan ('000)	400	400	400	1,611	3,000	3,000	3,000
EPS/(Kerugian) kasar setiap saham (sen)	(0.11)	(1.25)	181.75	146.18	141.73	258.90	*287.47
EPS/(Kerugian) bersih setiap saham (sen)	(0.11)	(1.25)	135.50	141.03	144.50	258.90	*287.47
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-	-	-	-

\* Disetahunkan

#### Nota:

- (i) Jumlah dagangan SMNT mewakili jualan inbois kayu digergaji, kayu diacuankan, venir, parket dan arang briket.
- (ii) Peningkatan yang ketara dalam jumlah dagangan dan keuntungan bagi setiap tahun kewangan yang berturut-turut dari 1996 hingga 1999 adalah disebabkan oleh program pengembangan dan kepelbagaian dengan terasasnya pemprosesan hiliran bersepadu keluaran yang berkaitan kayu iaitu kayu diacuankan, parket UV, arang briket dan venir. Tertib pengeluaran venir telah beroperasi dalam tahun kewangan 1999.

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

- (iii) Syarikat telah megurangkan dengan ketaranya kerugian sebelum cukainya semasa tempoh 6 bulan berakhir 30 Jun 1995 disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan overhead terutamanya pembaikan dan penyenggaraan, caj sewa dan imbuhan pengarah. Peningkatan dalam keuntungan selepas cukai dari tahun kewangan 1996 hingga 1999 adalah bersamaan dengan peningkatan dalam jumlah dagangan di dalam setiap tahun masing-masing.
- (iv) *Caj kadar cukai pada tahun kewangan 1997 merupakan cukai yang tertunda yang telah dibalikkan pada tahun kewangan 1998. Tiada cukai dikenakan bagi tahun kewangan 1997 hingga 1999 disebabkan oleh adanya elaun pelaburan semula.*  
*Tertakluk kepada perjanjian dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri, elaun pelaburan semula yang dibawa ke hadapan pada 30 Jun 1999 adalah dengan jumlah anggaran RM10.72 juta.*
- (v) Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.
- (vi) Perolehan/(kerugian) kasar setiap saham dikira berdasarkan keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.
- (vii) Perolehan/(kerugian) bersih setiap saham dikira berdasarkan keuntungan/(kerugian) selepas cukai dan atas purata wajaran bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh kewangan masing-masing yang kajian..
- (viii) Tempoh kewangan berakhir 30 Jun 1995 adalah berdasarkan hanya kepada keputusan teraudit enam (6) bulan SMNT disebabkan oleh perubahan akhir tahun dari 31 Disember 1994 hingga 30 Jun 1995.

### (d) *Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu*

Pada 10 Februari 2000, SMNT hanya mempunyai satu anak syarikat iaitu JLB dan tiada syarikat bersekutu.

## 8.5.4 JLB

### (a) *Sejarah dan Perniagaan*

JLB telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 19 September 1996 di bawah nama Jin Lin Bio-Coal Sdn. Bhd. Modal saham yang dibenarkan pada masa ini ialah RM100,000 terdiri daripada 100,000 saham bernilai RM1.00 sesaham yang mana 100,000 saham biasa telah diterbitkan dan berbayar penuh.

Syarikat terlibat terutamanya dalam kerja kontrak bagi pengilangan arang briket.

### (b) *Perubahan dalam Modal Saham*

Butir-butir mengenai perubahan dalam modal saham JLB yang diterbitkan dan berbayar sejak pemerbadanannya adalah seperti berikut:

Tarikh Pegumpulan	Bil. saham biasa	Nilai Tara RM	Balasan RM	Jumlah modal diterbitkan dan berbayar RM
19.09.1996	2	1.00	Tunai	2
06.10.1996	99,998	1.00	Tunai	100,000

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (Samb)

### (c) *Rekod Keuntungan dan Dividen*

Ringkasan rekod keuntungan dan dividen JLB berdasarkan akaun teraudit bagi tiga (3) tahun kewangan yang lepas berakhir 30 Jun 1997 hingga 1999 dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 adalah seperti berikut:

	< -Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun- >			3 bulan berakhir
	1997 RM'000	1998 RM'000	1999 RM'000	30.09.99 RM'000
Jumlah dagangan	-	214	1,320	324
Keuntungan sebelum susutnilai dan faedah	-	17	370	80
Susutnilai	-	-	-	-
Perbelanjaan faedah	-	-	-	-
Keuntungan sebelum cukai	-	17	370	80
Cukai	-	(5)	-	(23)
Keuntungan selepas cukai	-	12	370	57
Bilangan saham dalam terbitan ('000)	100	100	100	100
EPS kasar setiap saham (sen)	-	17	370	*320
EPS bersih setiap saham (sen)	-	12	370	*228
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-

\* *Disetahunkan*

#### **Nota:**

- (i) *Jumlah dagangan JLB mewakili pendapatan kontrak dari pengeluaran arang briket.*
- (ii) *Tiada akaun untung dan rugi disediakan bagi tahun 1997 kerana JLB belum memulakan perniagaan.*
- (iii) *Peningkatan di dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan 1999 adalah disebabkan dan peningkatan di dalam permintaan arang briket daripada Jepun, Korea Selatan dan Timur Tengah.*
- (iv) *Peningkatan di dalam keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan 1999 adalah bersamaan dengan peningkatan jumlah dagangan di dalam tempoh tersebut.*
- (v) *Tiada cukai diperuntukkan bagi tempoh kewangan 1999 memandangkan tahun kewangan jatuh dalam tahun taksiran 2000 di mana cukai ke atas pendapatan diperolehi diketepikan selaras Seksyen 8, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999.*
- (vi) *Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan kesemua tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.*
- (vii) *EPS kasar dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan atas bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun/tempoh tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.*
- (viii) *EPS bersih dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan atas bilangan saham dalam terbitan dalam setiap tahun tempoh/tempoh kewangan masing-masing yang di bawah kajian.*

### (d) *Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu*

Pada 10 Februari 2000, JLB tidak mempunyai anak syarikat atau syarikat bersekutu.

---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB *(Samb)*

---

### 8.6 Modal Kerja, Pinjaman, dan Liabiliti Kontigen

#### 8.6.1 Modal Kerja

Para Pengarah berpendapat bahawa, selepas mengambil kira ramalan dan unjuran aliran tunai dan kemudahan perbankan yang tersedia, Kumpulan JLWIB akan mempunyai modal kerja yang mencukupi bagi keperluan semasa dan keperluan yang dijangkakan.

#### 8.6.2 Pinjaman

Pada 10 Februari 2000, merupakan tarikh terakhir yang munasabah sebelum Prospektus ini dicetak, jumlah pinjaman bank Kumpulan berjumlah kira-kira RM56,063,000.

Pinjaman di atas terdiri daripada:

	<b>RM'000</b>
Jangka Pendek:	
Resit amanah	2,990
Pendahuluan pra penghantaran	2,028
Penerimaan jurubank	21,669
Pemiutang sewa beli dengan tempoh pinjaman 12 bulan	4,118
Pinjaman berjangka	4,345
Overdraft bank	3,312
Jangka Panjang:	
Pemiutang sewa beli	7,056
Pinjaman Berjangka	10,545
Jumlah	<u>56,063</u>

#### 8.6.3 Liabiliti Kontigen

Pada 10 Februari 2000, merupakan tarikh terakhir yang munasabah sebelum Prospektus ini dicetak, Kumpulan JLWIB tidak mempunyai apa-apa liabiliti kontigen yang tertunggak.

Selain daripada yang di atas, Kumpulan tidak mempunyai liabiliti kontigen yang material, pinjaman modal atau sekuriti hutang boleh tukar tertunggak atau wujudkan tetapi tidak diterbitkan mahupun sebarang gadaijanji atau gadaian tertunggak atau jaminan.

---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

---

### 8.7 Para Pengarah, Pengurusan Kanan dan Kakitangan

#### 8.7.1 Para Pengarah

**Chieng Hie Kwong**, berusia 77 tahun telah dilantik menjadi Pengerusi JLWIB pada 19 Januari 2000. Beliau adalah Pengurus Besar Hock Hua Bank Berhad lebih daripada 10 tahun dan memegang jawatan pengarah di Hock Hua Finance Berhad daripada tahun 1989 hingga 1999. Beliau juga menganggotai Lembaga beberapa buah syarikat sendirian yang lain. Beliau giat dalam kerja kemasyarakatan dan adalah bekas pengerusi dan pengasas Dewan Perniagaan Cina di Sibu dan Persatuan Cina Bersatu Sibu. Beliau dianugerahkan Ahli Bintang Sarawak (ABS) atas kerja kemasyarakatan beliau yang cemerlang.

**Ko Kung Hai**, berusia 44 tahun telah dilantik menjadi Pengarah Urusan JLWIB pada 19 Januari 2000. Beliau adalah salah seorang pengasas Kumpulan JLWIB. Beliau mempunyai lebih 18 tahun pengalaman bekerja dalam industri kayu. Beliau mula terlibat dalam industri kayu dalam tahun 1980 dimana beliau menyertai Linsen Shipping & Trading Sdn. Bhd., yang terlibat di dalam pembekalan baj untuk pengangkutan balak dan pemasaran balak sebagai Eksekutif Perkapalan. Dengan pengetahuan dan pengalaman yang luas serta kepimpinan keusahawannya, beliau menukar perniagaan kayu Kumpulan daripada sebuah syarikat kecil yang menyediakan perkhidmatan baj dan kapal tunda kepada syarikat pembalakan menjadi sebuah syarikat kayu bersepadu penuh yang terlibat dalam kedua-dua kegiatan pemrosesan kayu huluan dan hiliran. Tanggungjawab utama beliau termasuk penyeliaan keseluruhan operasi Kumpulan JLWIB. Beliau juga menganggotai Lembaga beberapa buah syarikat sendirian yang lain. Beliau adalah Timbalan Pengerusi Dewan Perniagaan Cina Bintulu dan Persatuan Cina Bersatu Bintulu serta Ahli Jawatankuasa Persatuan Foochow Bintulu.

**Chan Lan Ngai**, berusia 45 tahun telah dilantik menjadi Pengarah Eksekutif JLWIB pada 19 Januari 1999. Beliau mempunyai lebih 16 tahun pengalaman dalam industri kayu terutama dalam bidang perdagangan balak. Beliau memegang diploma dalam Perakaunan dan Ekonomi daripada United Kingdom. Sebelum menyertai Kumpulan, beliau menjadi Ketua Kerani di Hock Hua Bank Berhad dan telah berkhidmat dengan bank dari tahun 1979 hingga 1982. Beliau membantu Encik Ko dalam operasi harian Kumpulan dan beliau juga menganggotai Lembaga beberapa buah syarikat sendirian yang lain.

**Ibrahim bin Hj Yusoff**, berusia 56 tahun, telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah JLWIB pada 19 Januari 2000. Beliau memperolehi Sijil Sekolah Luarnegeri daripada Kolej Tentera DiRaja, Kuala Lumpur dalam tahun 1961 sebelum melanjutkan pelajaran ketenteraan di RMA Sandhurst, United Kingdom dimana beliau lulus sebagai Pegawai Bertauliah sebagai Leftenan Kedua dalam tahun 1963. Beliau mempunyai pengalaman ketenteraan selama 22 tahun berkhidmat dengan Kementerian Pertahanan, Malaysia daripada tahun 1963 hingga 1985. Pada masa ini, beliau menganggotai Lembaga beberapa buah syarikat sendirian yang lain.

**Aminodin Ismail**, berusia 32 tahun, adalah Pengarah Eksekutif Kewangan dan Hal Ehwal Korporat JLWIB. Beliau dilantik menganggotai Lembaga Pengarah JLWIB pada 3 Januari 2000. Beliau berkelulusan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Perakaunan dan Kewangan daripada Universiti Liverpool John Moores, United Kingdom dalam tahun 1990 dan ahli Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun, United Kingdom sejak 1992. Beliau mempunyai pengalaman selama lima (5) tahun dalam perbankan saudagar yang diperolehi dengan bekerja di Aseambankers (Malaysia) Berhad (tahun 1992-1995) dan BSN Merchant Bank Berhad (tahun 1995- 1997) di mana kerja beliau meliputi memberi khidmat nasihat kewangan korporat kepada beberapa buah syarikat dalam usaha korporat yang dilakukan oleh mereka termasuk penyenaian, pengambilalihan dan penjana modal. Beliau meninggalkan industri perbankan saudagar untuk menyertai Renong Berhad sebagai Pengurus Kewangan Kanan di mana beliau bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengawasi anak syarikat dan melaksanakan usaha koporat oleh Renong Berhad dan anak syarikatnya dari 1997 hingga 1999. Dalam masa perkhidmatan beliau selama 2 tahun dengan syarikat, beliau terlibat sepenuhnya dalam perundingan dan pelaksanaan kerja pengstruktur semula hutang oleh Renong Berhad yang telah selesai dalam tahun 1999.



---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

---

**David Sengalang Anak Uyang**, berusia 35 tahun, merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas JLWIB dan telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah Syarikat pada 3 Januari 2000. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan daripada Universiti Massachusetts, USA dalam tahun 1988 dan juga pemegang Sijil Lanjutan Perkhidmatan Hidrografik Kanada. Beliau adalah ahli lulusan Lembaga Kejuruteraan, Malaysia, dan Institusi Kejuruteraan, Malaysia dan juga ahli Persatuan Hidrografik, United Kingdom. Beliau mempunyai lapan (8) tahun pengalaman sebagai Juruukur Hidrografik dengan Tentera Laut DiRaja Malaysia dari tahun 1989 hingga 1997 termasuk dua (2) tahun dipinjamkan kepada Jabatan Laut Sarawak dari tahun 1995 hingga 1997. Dalam masa ini, kerja beliau meliputi melakukan kajian hidrografik untuk penghasilan peta nautikal diseluruh Malaysia, dari tahun 1989 hingga 1992, menubuhkan Pusat Data Oseanografik Tentera Laut DiRaja Malaysia dan mengumpul, memproses dan menganalisa Data Pasang Surut daripada stesen pasang surut di Malaysia Barat dan Timur dalam tahun 1994. Beliau meninggalkan Tentera Laut DiRaja Malaysia dalam bulan Oktober 1997 untuk menyertai Kejuruteraan JEC sebuah pemilikan tunggal yang terutamanya terlibat di dalam pengurusan projek dan perunding kejuruteraan yang berpangkalan di Kuching sebagai Jurutera Awam serta Juruukur Hidrografik di mana beliau berjaya menjalankan dan menyiapkan beberapa projek sektor awam dan persendirian sebagai Jurutera Projek dan/ atau Jurutera Rekabentuk. Projek yang terkini termasuk rekabentuk kejuruteraan awam dan struktur untuk Pusat Carian dan Pemeliharaan Jabatan Laut Sarawak, Muara Tebas dalam tahun 1999, merekabentuk dan membina asas cerucuk untuk api isyarat sepanjang Batang Paloh, Sarawak dalam tahun 1998, terlibat di dalam cadangan penswastan Pembangunan Hadapan Sungai Kuching (Kuching Riverfront Development) dalam tahun 1997, Projek Penempatan Semula Bakun dalam tahun 1996 dan cadangan membina loji Cepat Beku Individu ("IQF") di Tarat, Kota Samarahan, Sarawak di dalam tahun 1995. Sehingga kini, beliau telah bekerja dengan kejuruteraan JEC melebihi dua tahun.

**Mohd. Shukri Mohd. Yunus**, berusia 40 tahun merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas JLWIB dan telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah Syarikat pada 3 Januari 2000. Beliau memegang Diploma Perakaunan dari Institut Teknologi MARA dalam tahun 1980 dan merupakan ahli fellow Institut Berkanun Pengurusan Perakaunan ("CIMA"), United Kingdom sejak tahun 1985. Sebaik sahaja mendapat kelulusan CIMA dalam tahun 1982, beliau mula berkhidmat dengan Datapower Sdn. Bhd. ("Datapower") dalam tahun 1983, sebuah pembekal penyelesaian teknologi maklumat, sebagai Akauntan Sistem. Dalam kapasiti ini beliau ditugaskan kepada Unit Kewangan dari tahun 1987 hingga 1989 dan Unit Pemprosesan Data Elektronik ("EDP") dari tahun 1989 hingga 1991 di Majlis Amanah Rakyat ("MARA"). Jawatan terakhir beliau di MARA adalah sebagai Timbalan Pengarah Kewangan dalam tahun 1994. Dalam jangka waktu yang sama, beliau telah dilantik sebagai Pengarah di beberapa buah anak syarikat MARA yang terlibat dalam pengilangan perabot, latihan kejuruteraan, ladang kelapa sawit, suntikan plastik dan pembuatan acuan. Dalam tahun 1994, beliau mengepalai pembelian Datapower oleh kakitangan dari MARA bagi memberi tumpuan kepada perkhidmatan Teknologi Maklumat ("IT") iaitu integrasi rangkaian, integrasi sistem dan penyumberan luaran. Selepas lima tahun di Datapower beliau telah terlibat secara meluas di dalam meletakkan syarikat sebagai salah sebuah syarikat perkhidmatan IT yang besar di pasaran Malaysia. Pada tahun 1996, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Datapower.

---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

---

### 8.7.2 Pengurusan

**Ngu Ket Ping**, berusia 36 tahun mula berkhidmat dengan Kumpulan pada 1 September 1999 dan adalah Pengurus Kewangan dan Perakaunan Kumpulan. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Pengajian Perniagaan yang diperolehi dari Universiti Deakin, Australia dalam tahun 1998. Sebelum menyertai Kumpulan, beliau bekerja selama 2 tahun sebagai Juru audit dengan Lau & Ling, sebuah firma perakaunan awam. Beliau mendapat pengalaman yang bernilai dalam operasi perkayuan semasa bekerja sebagai Akauntan dengan Hua Seng Sawmill Co. Bhd. dan Wanlink Sdn. Bhd. Beliau pada masa ini menjadi pengarah Jin Lin Credit & Development Bhd.

**Simon Ngu Kee Sing**, berusia 42 tahun adalah Pengurus Balak JLT. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Sastera yang diperolehinya daripada Universiti Simon Fraser di Kanada. Sebelum menyertai Kumpulan, beliau adalah Pengurus Perkapalan dengan Labong Logging Sdn. Bhd. dan beliau menyertai Kumpulan JLWIB pada 1 Mac 1995 sebagai Eksekutif Kanan Perkapalan. Pengalaman beliau yang sangat bernilai dan komitmen kerjanya telah memberi beliau kenaikan pangkat kejawatan sekarang. Beliau adalah Pemegang Gred Malayan Grading Rule (MGR) yang bertauliah dan bertanggungjawab keatas mendapatkan dan memasarkan balak untuk JLT.

**Wong Haw Lee**, berusia 46 tahun adalah Pengurus Perkapalan dan juga Pemasaran JLT. Beliau mula bekerja dengan JLT pada 1 Julai 1994 membawa bersamanya lebih 25 tahun pengalaman dalam industri kayu. Sebelum menyertai JLT, beliau bekerja sebagai Mandur Kilang Papan dan Pengurus Balak untuk WTK Sdn.. Bhd. selama 21 tahun. Beliau adalah Pemegang Gred MGR Kanan yang Bertauliah dan menyelia keseluruhan hal ehwal perkapalan dan pemasaran JLT.

**Chieng Kung Chiew**, berusia 46 tahun, mula bekerja dengan SMNT pada 20 Mac 1995 dan merupakan Pengurus Kilang SMNT. Beliau mempunyai lebih dari 15 tahun pengalaman dalam industri kayu terutamanya dalam bidang kilang papan, pengumaian dan operasi venir. Beliau bertanggungjawab ke atas keseluruhan operasi harian SMNT dan JLB. Beliau juga menganggotai Lembaga beberapa buah syarikat persendirian yang lain.

**Ong Sing Ping @ Ong Ah Peng**, berusia 54 tahun adalah Pengurus Pengeluaran SMNT yang mula berkhidmat dengan syarikat pada 1 November 1998. Beliau mempunyai lebih dari 25 tahun pengalaman dalam industri kayu. Sebelum menyertai SMNT, beliau telah berkhidmat dalam beberapa jawatan seperti Penyelia, Penyelia Kanan dan Pengurus Kilang Papan dengan Nenasi Sawmill Sdn. Bhd., Simhoe Sawmill Sdn Bhd. dan Unique Lumber Sdn. Bhd. Beliau menyelia semua hal ehwal pengeluaran SMNT termasuk pengeluaran kayu gergaji, venir, kayu yang diacuankan, parket Ultra-Violet (UV) dan habuk kayu arang briket.

**Kong Siew Tuang**, berusia 58 tahun, mula bekerja dengan SMNT pada 1 Mac 1997 dan kini adalah Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan SMNT. Beliau lulus dengan ijazah Sarjana Muda Sains daripada Universiti National Chung Hsing, Taiwan dalam tahun 1964. Beliau juga adalah pelajar penyelidikan di Universiti Pertanian Tokyo, Jepun di bawah skim biasiswa pertukaran pelajar asing daripada tahun 1966-1969. Sebelum menyertai SMNT, beliau berkhidmat dalam beberapa jawatan seperti Pegawai dan Pengurus Sarawak Wood Chip Co. Sdn. Bhd., Lica Sawmill Sdn. Bhd. dan Mulspec Sdn. Bhd. daripada tahun 1971 hingga 1996 di mana Sarawak Wood Chip Co. Sdn Bhd terlibat di dalam pemprosesan cip-kayu, Lica Sawmill Sdn Bhd di dalam kilang papan dan Mulspec Sdn Bhd di dalam, pengumaian am bersama dengan pengilangan cantuman jejari dan papan berlaminasi. Oleh yang demikian Kong Siew Tuang sangat berpengalaman dalam sektor cantuman jejari dan laminasi.

---

## 8.0 MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN JLWIB (*Samb*)

---

**Chieng Eu Hea**, berusia 33 tahun, mula bekerja dengan JLT pada 1 Januari 1997 dan kini adalah Pengurus Besar JLT. Beliau memegang ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Sydney, Australia. Beliau juga adalah Akauntan Berdaftar dengan Institut Perakaunan Malaysia dan Ahli Persatuan Certified Practising Accountants Australia. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Juru audit Dalaman dengan kumpulan syarikat KTS Holding Sdn. Bhd., bekerja selama 3 tahun sebelum menyertai JLT sebagai Akauntan. Beliau mempunyai pengalaman dan pendedahan yang berharga dalam perdagangan balak dan kawalan dalaman serta sistem perakaunan. Beliau menyelia perjalanan harian syarikat. Beliau menganggotai Lembaga Jin Lin Credit & Development Bhd. dan Jindek Sdn. Bhd. Beliau juga ahli Kelab Lions Tuan Rumah Bintulu.

### 8.7.3 Pertalian Keluarga

Selain daripada Chan Lan Ngai yang merupakan abang ipar kepada Chieng Kung Chiew, tiada pertalian keluarga di antara Para Pengarah dan pasukan Pengurus.

### 8.7.4 Kakitangan

Struktur kakitangan semasa Kumpulan JLWIB pada 10 Februari 2000 adalah seperti berikut :

Syarikat	Jumlah Kakitangan*
JLT	25
ASB	18
SMNT	465
JLB	19
Jumlah	<u>527</u>

\* *Tidak termasuk para Pengarah*

Kakitangan Kumpulan JLWIB tidak menyertai mana-mana persatuan. Perhubungan di antara pihak pengurusan dan kakitangan adalah sangat baik.

---

## 9.0 GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI

---

### 9.1 Ekonomi Malaysia

Ekonomi Malaysia telah pulih di dalam tahun 1999 daripada kesan deflasi melampau akibat krisis kewangan serantau yang menyebabkan pengecutan ekonomi sebanyak 7.5% di dalam tahun 1998. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKK) sebenar yang kecil buat pertama kalinya sebanyak 10.9% dan 10.3% dalam suku ketiga dan keempat 1998, telah menunjukkan pengecutan yang sederhana dengan ketaranya sebanyak 1.3% pada suku pertama berikutnya sebelum pulih dengan pertumbuhan positif 4.1% dalam suku kedua 1999. Analisa bulanan prestasi ekonomi menunjukkan pola yang menurun ke tahap paling rendah di dalam bulan Januari 1999 sebelum melepasi pada awal Februari. Pemulihan ini seterusnya bertambah kukuh dan pertumbuhan KDNK sebenar dijangka lebih cepat kepada kadar purata tahunan 7.2% pada suku kedua 1999, berbanding pertumbuhan sebenar sebanyak 1.4% di dalam separuh pertama.

Pemulihan ekonomi telah dirangsangkan oleh dasar yang dikemukakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara sejajar dengan Rancangan Pemulihan Ekonomi Kebangsaan dan juga lain-lain perkembangan domestik dan luaran yang baik. Kawalan tukaran terpilih yang dikenakan dan penetapan ringgit pada RM1 = US\$0.2632 (US\$1 = RM3.80) sejak 2 September 1998 membawa kestabilan dan seterusnya keyakinan di dalam pasaran kewangan. Ransangan fiskal yang diberikan sepanjang belanjawan berasaskan pengembangan di dalam tahun 1999, polisi kewangan yang dipermudahkan di samping peningkatan usaha bagi mempercepatkan pelaksanaan projek sektor awam yang diluluskan telah membantu pemulihan permintaan domestik yang berkait dengan perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta. Perubahan yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengukuhkan dan menyusun semula sistem perbankan telah membolehkan sektor perbankan melaksanakan fungsi perantaraan dengan lebih berkesan dan seterusnya menyokong proses pemulihan ekonomi. Usaha dasar tersebut, ditokok oleh peningkatan kukuh permintaan luaran yang kukuh hasil dari keadaan ekonomi Asia Timur yang bertambah baik dan juga pertumbuhan rancak yang berterusan di Amerika Syarikat (AS), telah menggalakkan peningkatan keluaran terutama di sektor pembuatan. Pemulihan keluaran pertanian, disokong oleh peningkatan yang ketara di dalam kadar hasil kelapa sawit, juga telah menyumbangkan kepada pertumbuhan positif ekonomi.

Tahun 2000 akan menyaksikan pemulihan Ekonomi Malaysia yang lebih kukuh dan lebih luas jika persekitaran luaran kekal di dalam keadaan baik. Kestabilan ekonomi makro akan dapat dikekalkan, dengan bayaran luaran kedudukan akaun semasa dijangka akan terus mencatat lebihan yang besar, dengan itu meningkatkan lagi kedudukan rizab luaran negara, manakala kadar inflasi dijangka akan stabil pada tahap 1999. Sungguhpun begitu terdapat risiko menurun berkait dengan pembangunan luaran yang mungkin mengancam proses pemulihan ekonomi Malaysia. Oleh itu, tumpuan dasar makroekonomi akan terus ditekankan terhadap usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi, di samping mengukuhkan ketahanan dan daya saing ekonomi. (*Sumber: Laporan Ekonomi 1998/99*).

### 9.2 Industri Kayu

Eksport Malaysia – industri kayu intensif merangkumi pelbagai aktiviti yang luas daripada pembalakan dan pengilangan papan iaitu balak dan kayu digergaji yang sebahagian besarnya membentuk pemprosesan utama, diikuti oleh pemprosesan peringkat kedua iaitu pemprosesan pelbagai papan lapis, papan cip, papan partikel dan panel kepada pemprosesan peringkat ketiga seperti pengumaian, pertukangan kayu dan perabot. Dari segi lokasi, kilang papan dan papan lapis yang lebih besar tertumpu di Sabah dan Sarawak, manakala kebanyakan industri berasaskan kayu peringkat kedua dan ketiga terletak di Semenanjung Malaysia iaitu Johor, Pahang, Perak dan Selangor.

Dengan sumber kayunya yang besar, sektor perkayuan Malaysia dijangka akan membawa masuk perolehan eksport (FOB) kira-kira RM16.00 billion dalam tahun 1999 berbanding RM14.23 billion di dalam tahun 1998.

---

## 9.0 GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (*Samb*)

---

Dalam tahun 1998 penyumbang terbesar kepada eksport keluaran kayu Malaysia ialah perabot yang telah menyumbang sebanyak RM3,332.2 juta, diikuti oleh kayu digergaji (RM2,555.7 juta), papan lapis (RM2,551.2 juta), balak (RM1,879.9 juta), pengumaian (RM745.2 juta), cantuman pertukangan kayu pembina (RM662.1 juta), venir (RM606.7 juta), papan fiber kepadatan sederhana (RM591.3 juta) dan lain-lain keluaran kayu (RM310.3 juta). (*Sumber: The Star 18 Oktober 1999*).

Pengeluaran balak digergaji dalam tahun 1999 dijangka akan menunjukkan penurunan lebih kecil sebanyak 1.3% berbanding penurunan yang tinggi sebanyak 30.5% dalam tahun 1998. Keluaran kayu Sabah dan Semenanjung Malaysia akan menjadi lebih rendah masing-masing sebanyak 43% dan 5%. Sebaliknya, pengeluaran di Sarawak boleh meningkat sebanyak 19.6% kepada 13.5 juta meter padu. Keluaran kayu Sabah dan Semenanjung Malaysia telah menurun sedikit demi sedikit sejak tahun kebelakangan ini selaras dengan pengurusan hutan boleh kekal. Bagi mengekalkan kawasan hutannya, kerajaan negeri Sarawak telah melaksanakan penanaman semula bagi spesis pelbagai pokok cepat tumbuh dengan kerjasama sektor swasta. Bagi enam bulan pertama tahun 1999, pengeluaran balak digergaji bagi tiga negeri menurun sebanyak 13% atau 11.02 juta meter padu berbanding dengan penurunan sebanyak 28.5% dalam tahun 1998. Oleh yang demikian, nilai ditambah bagi sektor perhutanan pada tahap harga malar 1987 dijangka menurun pada RM3,626 juta atau - 1.3% dalam tahun 1999. (1998: RM3,674 juta). (*Sumber: Laporan Ekonomi 1998/99*)

Di bawah undang-undang baru negeri Sarawak, Peraturan Hutan (Hutan Tertanam) 1997 yang berkuatkuasa pada Januari 1997, pemilik konsensi balak dikehendaki menanam spesis perladang cepat tumbuh bagi meningkatkan sumber perhutanan negeri dan mengeluarkan pelbagai jenis kayu. Melalui perladang hutan, kawasan pembekalan kayu di Sarawak akan meningkat daripada 6.0 juta hektar kepada lebih kurang 10.0 juta hektar. Undang-undang baru ini juga menggalakkan pemilik peribumi tanah adat bersama-sama menjayakan program perhutanan semula ini bagi menyelesaikan kemiskinan kawasan kecil luarbandar yang telah dikenalpasti sebagai faktor penyumbang kepada peralihan penanaman, yang memusnahkan kawasan hutan. Bagi memastikan pengurusan hutan boleh kekal, terdapat juga hutan yang dikenalpasti sebagai kawasan perlindungan dan penyimpanan keseluruhan sebagai contoh, Taman Negara di mana pembalakan adalah dilarang. (*Sumber: Buletin Perakayuan Malaysia - Julai 1997*)

Sektor perkayuan Malaysia, yang dahulunya dikuasai oleh eksport balak, kini telah lebih beralih kepada keluaran hiliran seperti kayu digergaji, papan lapis, venir dan pengumaian. Eksport Malaysia bagi kebanyakannya keluaran berasaskan kayu telah meningkat dengan tetap bagi dekad yang lalu dari RM4.3 billion dalam tahun 1985 kepada RM12.3 billion dalam tahun 1995. Eksport balak menurun dari 65% dalam tahun 1985 kepada 45% dalam tahun 1990 dan menurun ke 18% pada tahun 1995 akibat dari pengharaman keatas eksport balak bulat dari Semenanjung Malaysia dan Sabah dan juga dasar kerajaan untuk mempromosikan aktiviti pemprosesan hiliran di dalam sektor ini. Eksport kayu digergaji juga menurun akibat daripada galakan supaya pengilang kayu menambah nilai yang lebih tinggi terhadap keluaran mereka. (*Sumber: Pelan Induk Perindustrian Kedua ("2IMP") 1996 - 2005*)

Selaras dengan peralihan penekanan Industri Perkayuan Malaysian terhadap keluaran hiliran dan nilai ditambah, Majlis Perkayuan Malaysia ("MTC") sedang menyusun semula strategi dan mempelbagai promosi kayu dan keluaran kayu dengan menumpukan usaha pemasarannya ke Eropah, Amerika Syarikat dan Timur Tengah. Pada masa dahulu, pasaran utama bagi keluaran kayu Malaysia terdiri daripada Timur Jauh dan Rim Pasifik di mana krisis kewangan serantau telah memberi kesan terhadap import keluaran kayu Malaysia. Industri kayu tempatan kini mengeluarkan keluaran kayu yang canggih dan moden bagi menembusi pasaran baru dengan membekalkan seluruh rangkaian keluaran kayu hiliran termasuk papan lapis, pengumaian, papan fiber kepadatan sederhana, papan cantum, venir dan pintu pejal dan pintu gabungan. Antara perkembangan menarik industri adalah pengenalan spesis baru pokok getah yang boleh diperbaharui yang ditanam untuk kayunya dan bukan untuk susunya. Kayu getah digunakan dengan meluas oleh industri perabot dengan anggaran sebanyak 140,000 meter padu kayu getah digergaji terdapat di dalam negara pada Julai 1999. (*Sumber: The Star, 18 Oktober 1999*)

---

## 9.0 GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (*Samb*)

---

Kerajaan Negeri Sarawak secara proaktif telah mengambil langkah untuk mengembangkan lagi sektor hiliran, industri kayu. Satu kajian bersama yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Industri Kayu Sarawak (STIDC) dan Jabatan Perhutanan Negeri kini dilaksanakan di Ladang Perindustrian Kemena Bintulu, Sarawak keatas pengurusan hasil sampingan pengilangan kayu bagi membantu mengoptimalkan penggunaan sumber kayu di Sarawak. Menurut STIDC, kadar pemulihan pemprosesan kayu utama tempatan seperti pengilangan papan, papan lapis, dan pengilang venir adalah di dalam lingkungan 45 dan 55 peratus walaupun sebanyak sembilan juta meter padu balak boleh digunakan setiap tahun. Buat masa sekarang, balak, papan lapis, kayu digergaji dan venir menyumbang kepada 95 peratus perolehan eksport keluaran kayu tahunan di Sarawak.

Kajian tersebut juga akan melihat kaedah yang digunakan oleh kilang di Kemena yang menggunakan hasil sampingan pengilang kayu untuk menghasilkan haba dan elektrik. Penggunaan keluaran utama seperti papan fiber kepadatan sederhana/tinggi dan arang briket juga akan dikaji supaya tidak bercanggah dengan dasar kerajaan bagi mempromosi dan mengoptimalkan penggunaan sumber kayu. (*Sumber: Asia Intelligent Wire, Bernama, 1 Oktober 1999*)

Malaysia menggesa perubahan yang luas di dalam Organisasi Kayu Tropikal Antarabangsa (ITTO) dan lebih sama rata di dalam hubungan pengeluar-pelanggan berikutan publisiti negatif terhadap kayu tropikal oleh penguatkuasa subnasional Eropah dan organisasi bukan kerajaan (NGOs) dalam tahun 1998. Dengan itu, Malaysia mendesak ITTO untuk menumpu perhatian kepada perkaranya yang lain, iaitu mempromosi laluan pasaran yang lebih baik dan perdagangan kayu tanpa diskriminasi. Pengaruh ITTO dinyatakan melalui keahliannya yang terkini sebanyak 53 pengeluar dan negara pengguna yang mewakili 75 peratus hutan tropika dunia dan 95% dagangan dunia bagi kayu tropika. Malaysia telah menganggar belanjawan sebanyak RM6.08 juta bagi melaksanakan aktiviti pengurusan hutan boleh kekal di dalam negara bagi tempoh lima tahun menuju tahun 2000, satu angka yang dibatasi oleh sumber kewangan memandangkan ia sedang pulih dari krisis ekonomi Asia. (*Sumber: Business Times (Malaysia), 2 November 1999 P18*)

## 9.3 Prospek Industri Kayu

Potensi industri kayu Malaysia nampaknya cerah disebabkan oleh pandangan positif terhadap peningkatan permintaan yang mengikuti pemulihan ekonomi serantau terutamanya Jepun dan China dan kenaikan harga kayu, selepas penurunan teruk yang dialami tahun lepas dengan kejatuhan permintaan dan lambakan dari pengeluar utama Indonesia ke dalam pasaran.

Industri perumahan Jepun menunjukkan pertumbuhan dalam tahun ini berbanding tahun lepas, buat pertama kalinya dalam bulan April 1999 selepas menghadapi angka pertumbuhan yang negatif selama 27 bulan berturut-turut. Akibat dari ini, ia mungkin bermakna yang aktiviti bangunan di Jepun mula menunjukkan peningkatan selepas prestasi yang lembap selama dua tahun. Andaikata Jepun bercadang untuk meningkatkan paras akhir stoknya yang berada pada paras terendah dan pengecutan paling teruk bagi empat tahun lepas, ia akan hanya dapat memenuhi sasaran ini melalui import yang akan memberi keuntungan besar kepada pengeksport kayu serantau. Bagi Malaysia, negeri-negeri Timur, terutamanya Sarawak akan menjadi negeri yang pertama menikmati faedah ini. Ini adalah kerana dalam empat tahun kebelakangan, Sarawak telah menyumbang purata sebanyak 60 peratus dari keperluan import balak negara.

---

## 9.0 GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (*Samb*)

---

China merupakan pengguna keluaran kayu kedua terbesar dirantau ini dan sekiranya selepas suku pertama tahun 1999 yang lembap disebabkan oleh cuti perayaan yang panjang, sekiranya pembelian meningkat dengan sepenuhnya, ini akan hanya menambah potensi peningkatan harga kayu keseluruhan. Walaupun margin adalah lebih kecil di China disebabkan oleh mutu yang lebih rendah bagi keperluan keluaran, ia masih menguntungkan memandangkan margin yang rendah diimbangi oleh volum pesanan yang besar dan aktiviti nilai ditambah kurang diperlukan bagi barangan siap, ini bermakna pengurangan dalam overhead. Tambahan, kerajaan China baru-baru ini telah mengarahkan pengharaman terhadap pembalakan di 54 daerah baratnya bagi melawan hakisan tanah yang berpunca dari penebangan hutan, lantas mengujudkan kelompangan sebanyak 10 juta meter persegi bagi bekalan balak negara. Mengenai lambakan harga, suatu julat harga minima baru dan royalti digariskan oleh kerajaan Indonesia yang berkuatkuasa pada 30 Jun 1999, bukan sekadar dapat mengelakkan lambakan harga dari pengeluar utama di Indonesia malah turut menyediakan harga lantai. Dari segi bekalan, Indonesia telah beroperasi pada kapasiti 60 peratus sejak bulan Mac tahun ini disebabkan oleh pilihanraya umum dan keluaran dijangka menurun walaupun terdapat tanda keadaan politik dan kewangan kembali normal. (*Sumber: Business Times (Malaysia) 14 September 1999*)

Dalam lapan bulan pertama 1999, hasil eksport balak digergaji meningkat sebanyak 40.5% kepada RM1,648 juta, berbanding RM1,173.6 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1998. Volum eksport meningkat sebanyak 20.7% kepada 4.17 juta meter padu, berbanding 3.45 juta meter padu bagi tempoh yang sama dalam tahun 1998. Keseluruhannya, nilai eksport meningkat sebanyak 16.3% kepada RM396 semeter padu. Dalam tempoh jangka pendek, menggariskan jangkaan peningkatan hasil eksport dalam tahun 1999 disokong oleh permintaan yang kukuh dari Jepun dan Korea Selatan yang ekonominya kini kembali meningkat. Lantas perolehan eksport dari balak digergaji dijangka meningkat sebanyak 23.1% kepada RM2,297.3 juta, diransang oleh 6.9% peningkatan volum eksport kepada 5.79 juta meter padu dan 15.2% peningkatan di dalam nilai unit eksport kepada RM397 semeter padu, membayangkan prestasi harga yang lebih baik menjelang akhir abad ini. (*Laporan Ekonomi 1999/2000*).

---

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN

---

### 10.1 Kegiatan Utama

Kumpulan terlibat terutamanya dalam mengilang keluaran berasaskan kayu seperti kayu digergaji dan diacuankan (termasuk pengumaian am, cantuman jejari keluaran berlamina dan bahan binaan kayu seperti pintu, bingkai tingkap dan struktur kayu bagi kekuda bumbung), lantai parket UV, arang briket, venir dan perkhidmatan tanur pengeringan. Kumpulan juga terlibat di dalam pemasaran dan pengedaran keluaran kayu, pergudangan, rawatan kimia bagi kayu digergaji dan penjualan kayu yang mana aktivitinya adalah bersinergi dan kritikal kepada kegiatan perkayuan Kumpulan.

Lebih 90% daripada keluaran Kumpulan dieksport ke pasaran luar negara di mana Jepun merupakan pasaran eksport Kumpulan yang terbesar. Butir kegiatan utama Kumpulan adalah seperti berikut:-

#### (a) SMNT

Kegiatan utama SMNT adalah pengilangan kayu digergaji dan diacuankan (termasuk pengumaian am, cantuman jejari keluaran berlamina dan bahan binaan kayu seperti pintu, bingkai tingkap dan struktur kayu bagi kekuda bumbung), lantai parket UV, arang briket, venir dan perkhidmatan tanur pengeringan. Kompleks kayu bersepadu SMNT dilengkapi jentera berteknologi maju umpamanya 3 tertib gergaji gelung lengkap dengan 26 unit gergaji gelung, 1 unit Gergaji Utama (Breakdown Saw) Fuji berukuran 72", 1 unit Gergaji Utama Isutsui Kogyo, 8 unit Mesin Pengumaian, 28 Kamar Loji Tanur Pengeringan, 3 unit Mesin Cantuman Jejari lengkap dengan Pengasah Jejari CKM, Aplikator Pelekat dan Pemasangan Jejari Auto, 1 unit Gergaji Penggunaan Optima Grecon, 1 tertib automatik parket UV, 1 Loji Arangbatu Tiruan Mingi dilengkapi oleh 18 unit Relau Berkarbon Mingi, 2 unit Pengering Venir dan mesin larik berputar tiap satu dilengkapi oleh sepasang mesin gelendong dan lawan gelendong, 1 unit Cochran Rekondisi, 3 Dandang Wap Pass Furetune, 1 unit Pembakar, 1 unit Pengubah Putar Hidrolik HPC dan 3 unit Gergaji Rip. Seterusnya di dalam memastikan bahan buangan diminimalkan, Kumpulan JLWIB telah memulakan operasi di dalam pengilangan cantuman jejari dan kegiatan laminasi di dalam operasi pengumaian kayunya di dalam bulan Ogos 1997 dan pengilangan arang briket daripada habuk kayu di dalam bulan April 1998. Seterusnya di dalam usaha Kumpulan untuk menyatukan lagi aktiviti pemprosesan kayu hiliran dan bagi mencapai tahap syarikat perkayuan yang bersepadu sepenuhnya di samping sebagai lanjutan kepada operasi pengilangan kayu diacuankan yang ada sekarang, Kumpulan JLWIB telah memulakan pengilangan bahan binaan kayu seperti pintu, bingkai tingkap dan struktur kayu bagi kekuda bumbung bagi industri perumahan/pembinaan di dalam tahun 1997. Kumpulan juga merancang untuk mengembangkan tertib pengeluarannya dengan menghasilkan permukaan meja, kayu dibentuk (bentwood) dan papan blok menjelang tahun 2000. SMNT ialah syarikat teras di bawah Kumpulan JLWIB. Kapasiti pengeluaran, keluaran dan bilangan tertib pengeluaran kompleks kayu bersepadu JLWIB, menurut keluaran iaitu keluaran kayu diacuankan, venir, arang briket dan parket UV dari tahun berakhir 30 Jun 1994 hingga 1999 adalah seperti berikut:



## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

	<-----Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun----->					
	1994	1995	1996	1997	1998	1999
<b>Kapasiti Terpasang ( dalam meter padu setahun melainkan dinyatakan sebaliknya)</b>						
-Kayu digergaji	3,000	3,000	84,960	84,960	84,960	84,960
-Venir	-	-	-	-	-	24,000
-Kayu diacuankan	-	-	-	10,090	22,090	22,090
-Parket UV	-	-	-	-	3,398	3,398
-Arang briket ( <i>tan metrik setahun</i> )	-	-	-	-	4,078	4,078
<b>Jumlah</b>	<b>3,000</b>	<b>3,000</b>	<b>84,960</b>	<b>95,050</b>	<b>114,526</b>	<b>138,526</b>
<b>Output Pengeluaran ( dalam meter padu setahun melainkan dinyatakan sebaliknya)</b>						
-Kayu digergaji	2,616	1,332	70,240	50,678	61,899	73,828
-Venir	-	-	-	-	-	11,374
-Kayu diacuankan	-	-	-	7,819	13,414	17,206
-Parket UV	-	-	-	-	120	2,240
-Arang briket ( <i>tan metrik setahun</i> )	-	-	-	-	551	2,212
<b>Jumlah</b>	<b>2,616</b>	<b>1,332</b>	<b>70,240</b>	<b>58,497</b>	<b>75,984</b>	<b>106,860</b>
<b>Bilangan tertib/syif</b>						
-Kayu digergaji	1	1	1	1	1	1
-Venir	-	-	-	-	-	1.5
-Kayu diacuankan	-	-	-	2	2	2
-Parket UV	-	-	-	-	1	1
-Arang briket	-	-	-	-	2	2
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>3</b>	<b>6</b>	<b>7.5</b>

SMNT, cabang pengilangan Kumpulan, beroperasi dari kompleks kayunya di Tatau, 59km dari Bintulu, Sarawak. Lokasinya adalah strategik dan mempunyai laluan mudah kepada kemudahan pengangkutan seperti jalanraya dan sungai. Keseluruhan kawasan binaan kasar kompleks kayu dan kilang papan adalah dianggarkan 85,000 meter persegi yang terletak di atas tanah industri berukuran lebih kurang 31 hektar.

JLWIB mengeluarkan berbagai spesis kayu digergaji seperti Meranti Merah Hati, Kapur, Keruing Kempas dan Selangan Batu. Kayu digergaji tempatan yang dipasarkan oleh JLWIB digunakan terutamanya bagi aktiviti pembinaan manakala kayu digergaji yang dieksport digunakan untuk perumahan/pembinaan, ubahsuai dalaman dan aktiviti perabot yang berkaitan. Kira-kira 99.5% kayu digergaji yang dihasilkan oleh Kumpulan di dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1999 adalah untuk pasaran eksport. Kayu digergaji Syarikat mematuhi Peraturan Pengredan Malaysia ("MGR") bagi tujuan piawaian mutu eksport gred kayu yang berbeza.

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

Kumpulan JLWIB mengeluarkan berbagai julat kayu diacuankan seperti berikut:

### Keluaran Kayu Diacuankan

Keluaran	Keterangan
Pengumaian Am	Keluaran kayu permukaan empat (4) sisi dan permukaan dua (2) sisi yang diacuankan menjadi profil tertentu bagi pengilangan pintu, bingkai tingkap, panel dan lantai parket UV.
Keluaran Cantuman Jejari	Pemulihan sisa balak bulat dan lebihan kayu digergaji menjadi keluaran cantuman jejari kepada profil atau pengumaian am dan juga alang berlamina kepada kitaran semula dan untuk menghasilkan semula dari berbagai potongan hasil buangan kayu.
Keluaran Berlamina	Kayu pejal atau cantuman jejari berlamina dan disaluti dengan menggunakan acuan bagi menghasilkan permukaan yang licin keatas keempat-empat sisi di dalam pengilangan bahagian dan komponen perabot dan lain-lain keluaran hiliran.

Kini, cantuman jejari Kumpulan dan proses laminasi telah terbukti sangat berjaya disebabkan oleh mutu akhirnya yang tinggi hasil daripada prosedur kawalan mutu yang ketat. Kira-kira 99.3% dari keluaran kayu diacuankan yang dikeluarkan oleh Kumpulan di dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 1999 adalah untuk pasaran eksport bagi tahun berakhir 30 Jun 1999 manakala bahan binaan kayu adalah khusus untuk pasaran tempatan. Cantuman jejari adalah proses yang menukar sisa balak bulat dan lebihan kayu digergaji kepada keluaran kayu yang boleh digunakan, dengan itu meningkatkan kadar pemulihan kayu digergaji dengan ketaranya. Kayu cantuman jejari juga mempunyai kelebihan dari kayu digergaji biasa berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (i) kayu cantuman adalah lebih kuat dengan ketepatan yang lebih tinggi berbanding kayu digergaji biasa; dan
- (ii) panjang kayu cantuman boleh direka khas bagi memenuhi keperluan pengguna akhir manakala panjang kayu digergaji biasa bergantung kepada panjang dan mutu balak.

Bagi kayu cantuman, proses yang terlibat ialah dengan memasukkan sisa balak bulat dan lebihan kayu digergaji (selepas perancangan dua hala untuk menentu ukur tebal dan lebar asal) ke dalam mesin cantuman jejari auto, yang akan melekat dan mengabung kepingan kayu pendek tersebut kepada kepingan panjang secara automatik. Kayu cantuman jejari ini kemudian dipotong mengikut ukuran yang dikehendaki atau melalui proses laminasi. Laminasi adalah apabila kayu cantuman jejari di laminasi bagi membentuk kepingan kayu individu yang lebih besar dengan kelebaran dan ketebalan yang khusus. Bahan mentah yang digunakan terutamanya diperolehi daripada kilang milik Kumpulan. Langkah akhir di dalam pengilangan kayu diacuankan dan cantuman adalah sama seperti kayu digergaji, proses pengredan dan pembungkusan.

Berbagai spesis yang digunakan di dalam pengeluaran venir adalah terutamanya Meranti, Kapur dan Keruing. Kesemua venir yang dihasilkan adalah untuk pasaran eksport bagi tahun berakhir 30 Jun 1999. Pada mulanya balak dipotong dengan gergaji berantai mengikut panjang yang dikehendaki untuk dimasukkan ke dalam mesin larik berputar atau panjang helaian venir yang dikehendaki yang akan dihasilkan. Sebelum dipasang, balak diletak dengan tepat dengan menggunakan alat penengah dan dipasang kepada spindel mesin larik. Mesin larik memutar balak kepada pisau yang memotong balak mengikut panjangnya dan menghasilkan satu demi satu lapisan venir. Lapisan venir seterusnya melalui pengering berterusan untuk tujuan pengeringan, sebelum pengredan dan pembungkusan.

---

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

---

Pengeluaran arang tanpa asap dan baik untuk alam sekitar merupakan satu lagi proses yang meningkatkan kadar pemulihan proses pengilangan sepadu Kumpulan. Habuk kayu yang dikumpul dari proses pengeluaran keluaran kayu lain digunakan sebagai bahan mentah di dalam pengeluaran arang briket. Kumpulan adalah **pengilang arang briket pertama yang berlesen** di Sarawak. Kira-kira 98.7% dari keluaran adalah bagi pasaran eksport bagi tahun berakhir 30 Jun 1999. Pengilangan arang briket dari habuk kayu adalah yang pertama di kalangannya di Sarawak. Prosesnya adalah lebih rumit berbanding dengan pengilangan kayu digergaji dan diacuankan. Pengeluaran arang briket boleh dibahagikan kepada enam (6) peringkat; pengayakan, pengeringan, pemadatan, pengkarbonan, pengredan dan pembungkusan. Sementara balak dipotong di dalam pengeluaran kayu digergaji, habuk kayu dikutip dan diayak. Habuk kayu halus seterusnya akan melalui peringkat pengeringan sebelum ia dipadatkan menjadi briket. Briket akan dimasukkan ke dalam tanur untuk dikarbonkan yang menghasilkan arang briket. Sebelum dibungkus menjadi seberkas dan siap untuk penghantaran, arang briket akan diperiksa terlebih dahulu bagi menentukan mutunya dan pengredan yang sepatutnya. Kilang arang briket JLWIB dilengkapi dengan satu (1) tertib briket, yang mempunyai kapasiti pengeluaran 24 jam yang dibeli dari Taiwan.

Dengan keluaran kayu diacuankan seperti lelidah dan alur, syarikat telah melangkah setapak ke hadapan dengan mencapai keluaran nilai ditambah melalui pengeluaran parket UV. Kira-kira 99.4% keluaran ini adalah bagi pasaran eksport bagi tahun berakhir 30 Jun 1999. Pengilangan parket adalah automatik sepenuhnya dan dilengkapi dengan menggunakan pengering UV yang tinggi nilai tambahnya. Kayu lelidah dan alur diacuankan yang di kering tahir pada mulanya akan melalui peringkat empelas bagi melicinkan permukaan kayu. Kayu diacuankan kemudiannya akan melalui proses sedutan di mana kesemua kotoran akan disedut keluar sebelum dikeringkan menggunakan pancaran UV. Kayu diacuankan seterusnya melalui peringkat penyemburan bagi menambah lakuer kepada keluaran sebelum melalui keempat-empat peringkat itu semula; kempelas, penyedutan, pengeringan UV dan penyemburan. Kayu diacuankan akan melalui tiga (3) peringkat iaitu, pengempelasan, penyedutan dan pengeringan UV untuk kali ketiga sebelum parket UV terhasil. Akhirnya, keluaran siap UV akan digred, diberkas, dibungkus dan akhirnya dieksport.

**(b) JLB**

Kegiatan utama JLB adalah pengilangan kontrak arang briket. Ia membekalkan tenaga kerja, kepakaran teknikal dan juga perkhidmatan pengurusan bagi operasi arang briket SMNT, di mana SMNT memiliki dan membekalkan kemudahan kepada JLB bagi menghasilkan arang briket.

**(c) JLT**

JLT terlibat di dalam pemasaran dan pengedaran keluaran kayu.

**(d) ASB**

ASB mempunyai kepakaran di dalam pergudangan, rawatan kimia bagi kayu digergaji dan penjualan keluaran kayu. Gudang ASB terletak didalam Fasa 1 Estet Perindustrian Kemena di Bintulu, Sarawak. Kapasiti kemudahan pergudangan ASB merangkumi keluasan lantai sebanyak 5,285 meter persegi dengan kawasan bertutup sekitarnya dengan pembinaan konkrit diperkuatkan, membekalkan kawasan teguh berdiri kira-kira 5,000 meter persegi. Gudang setingkat ini adalah 9 meter tinggi ke paras bawah bumbung. Gudang tersebut juga menyimpan kemudahan rawatan kimia ASB, yang menduduki salah satu sudutnya bagi mengurangkan pengendalian kayu yang tidak dirawat. Kemudahan rawatan kimia tersebut mempunyai kapasiti operasi maksima sehingga 15 meter padu setiap caj, dengan kebolehan mengenakan rawatan kimia dengan menimbulkan sebahagian daripada setiap kayu yang dicaj di dalam volum maksima sebanyak 29,200 liter larutan pengawet setiap caj.

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

Proses rawatan kimia atau terma teknikalnya impregnasi kayu adalah proses yang mesra alam sekitar dan tinggi nilai tambah, yang dapat memanjangkan jangka hayat kegunaan kayu yang bersentuhan bumi untuk lebih 40 tahun.

Proses ini melibatkan pemungghahan kayu ke dalam bekas tekanan untuk mengeluarkan kelembapan dari kayu dengan mengwujudkan kawasan hamapagas disekelilingnya, yang kemudiannya akan ditenggelamkan dalam larutan pengawet di alam bekas tekanan yang sama. Tekanan demi tekanan kemudiannya dikenakan ke dalam bekas berisi larutan bagi membolehkan tembusan maksima larutan pengawet ke dalam kayu dengan diikuti oleh pengaliran keluar larutan. Kawasan hampagas yang akhir seterusnya perlu diwujudkan lagi disekeliling kayu untuk mengeluarkan lebihan larutan pengawet dari kayu. ASB menggunakan loji impregnasi DWT T10 dengan kapasiti bekas tekanan mencapai 15 meter padu setiap caj. Proses ini dicadangkan bagi kayu yang tinggi pendedahannya terhadap serangan reput dan serangga. Tambahan, proses rawatan kimia telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pemeliharaan Kayu New Zealand dan mematuhi berbagai piawaian di seluruh dunia beberapa contoh adalah Piawaian Malaysia, Piawaian British dan Piawaian Pertubuhan Pemeliharaan Kayu Amerika.

### 10.2 Pasaran Utama dan Pecahan dalam Jumlah Dagangan dan Keuntungan Mengikut Keluaran Utama

#### 10.2.1 Pasaran Eksport mengikut Destinasi

JLWIB adalah sebuah syarikat berorientasikan eksport dengan lebih daripada 95% keluaran Kumpulan dieksport ke pasaran luar negara seperti Jepun, Korea, Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Jadual di bawah membentangkan sumbangan pasaran eksport Kumpulan mengikut jumlah dagangan dari 1997 hingga 1999:

Destinasi	< -----1997----- >		< -----1998----- >		< -----1999----- >	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
China	621	2.3	2,251	6.3	15,548	20.0
Jepun	3,246	12.1	16,540	46.4	18,876	24.3
Korea	486	1.8	1,173	3.3	2,615	3.4
Timur Tengah	6,517	24.2	5,636	15.8	6,419	8.3
Taiwan	799	3.0	2,209	6.2	5,163	6.6
Singapura	3,827	14.2	3,164	8.9	8,840	11.4
Eropah	-	-	302	0.8	6,618	8.6
Lain-lain	11,422	42.4	4,378	12.3	13,596	17.4
Jumlah Eksport	26,918	100.00	35,653	100.00	77,675	100.00

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (Samb)

### 10.2.2 Pecahan dalam Jumlah Dagangan dan Keuntungan Mengikut Keluaran Utama

#### (a) Pecahan dalam Jumlah Dagangan Mengikut Keluaran Utama

	<-----1995----->		<-----1996----->		<-----1997----->		<-----1998----->		<-----1999----->	
	Jumlah Dagan-gan RM'000	% kepada jumlah dagangan Proforma Kumpulan %	Jumlah Dagan-gan RM'000	% kepada jumlah dagangan Proforma Kumpulan %	Jumlah Dagan-gan RM'000	% kepada jumlah dagangan Proforma Kumpulan %	Jumlah Dagan-gan RM'000	% kepada jumlah dagangan Proforma Kumpulan %	Jumlah Dagan-gan RM'000	% kepada jumlah dagangan Proforma Kumpulan %
Balak	13,276	22.9	11,603	22.6	20,055	40.4	4,712	9.6	2,138	2.6
Kayu Digergaji	44,061	75.9	36,371	70.9	20,524	41.4	21,950	44.7	35,311	43.7
Venir	-	-	-	-	-	-	186	0.4	10,743	13.3
Kayu Diacuankan	-	-	256	0.5	8,803	17.8	21,219	43.0	21,148	26.2
Parket Siap UV	-	-	-	-	-	-	315	0.6	6,660	8.2
Arang Briket	-	-	-	-	-	-	297	0.6	1,847	2.3
Lain-lain	741	1.2	3,053	0.06	217	0.4	526	1.1	3,023	3.7
<b>Jumlah</b>	<b>58,078</b>	<b>100.0</b>	<b>51,283</b>	<b>100.0</b>	<b>49,599</b>	<b>100.0</b>	<b>49,205</b>	<b>100.0</b>	<b>80,870</b>	<b>100.0</b>

#### (b) Pecahan (kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai Mengikut Keluaran Utama

	<-----1995----->		<-----1996----->		<-----1997----->		<-----1998----->		<-----1999----->	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Balak	188	33.1	428	19.9	2,180	40.4	849	9.6	245	2.0
Kayu Digergaji	622	109.5	1,351	62.8	2,467	45.8	3,954	44.6	4,258	34.1
Venir	-	-	-	-	-	-	34	0.4	1,457	11.7
Kayu Diacuankan	-	-	-	-	721	13.4	2,986	33.7	4,105	32.9
Parket Siap UV	-	-	-	-	-	-	57	0.6	1,204	9.7
Arang Briket	-	-	-	-	-	-	54	0.6	447	3.6
Lain-lain	(242)	(42.6)	371	17.3	23	0.4	930	10.5	751	6.0
<b>Jumlah</b>	<b>568</b>	<b>100.00</b>	<b>2,150</b>	<b>100.0</b>	<b>5,391</b>	<b>100.0</b>	<b>8,862</b>	<b>100.0</b>	<b>12,466</b>	<b>100.0</b>

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

### 10.3 Sumber Bahan Mentah

Kumpulan JLWIB memperoleh 95% daripada bekalan balak dari pasaran terbuka. Semenjak memulakan operasi, Kumpulan tidak pernah berhadapan dengan kepayahan mendapatkan balak bagi tujuan operasinya. Faktor yang menyebabkan ketersediaan balak yang banyak adalah seperti berikut:

- (i) Operasi JLWIB adalah berpengkalan di Negeri Sarawak. Sarawak mempunyai kira-kira 8 juta hektar hutan semulajadi, yang mana kira-kira 6 juta hektar adalah bagi tujuan Ladang Hutan Kekal ("PFE") yang bertujuan untuk menukar kayu menjadi sumber yang diperbaharui bagi industri kayu Sarawak. 6 juta hektar PFE di Sarawak mewakili kira-kira 42% jumlah PFE Malaysia. Bekalan balak yang banyak di Sarawak bermakna tiada kekurangan bekalan balak bagi pengusaha kayu di Sarawak seperti JLWIB. Tambahan, dari segi persaingan bahan mentah, Sarawak mempunyai nisbah kilang pemprosesan kayu kepada ladang hutan Malaysia yang terendah, dengan hanya 528 kilang di Sarawak berbanding dengan 4,081 di Semenanjung Malaysia dan 622 di Sabah dalam tahun 1995. (*Sumber: Kementerian Perusahaan Utama; Pelan Induk Industri Kedua 1996-2005*). Oleh yang demikian, persaingan adalah kurang sengit di Sarawak berbanding di Sabah dan Semenanjung Malaysia.
- (ii) Sebagai langkah kontingensi dan bagi meningkatkan lagi kepelbagaian pengkalan bekalannya, SMNT telah menandatangani perjanjian bekalan balak dengan pemilik konsensi balak, Adong Sdn. Bhd. yang memiliki kawasan konsensi sebanyak 31,329 hektar di Sarawak pada 24 November 1998. Perjanjian ini mengandungi tempoh permulaan bermula November 1998 dan akan tamat tempoh pada April 2003 dan boleh diperbaharui bagi tempoh lima (5) tahun lagi, dengan syarat lesen konsensi pembekal diperbaharui oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Adalah dianggarkan 70% daripada konsensi ini adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan balak Kumpulan bagi tempoh 10 tahun akan datang, sekiranya wujud keadaan yang tidak dijangkakan di mana terdapat kekurangan teruk di dalam bekalan balak di Sarawak. Jadual di bawah membandingkan keluasan hektar konsensi balak Adong Sdn. Bhd. dengan konsensi balak yang dipegang oleh syarikat berikut dan/atau pembekal balak mereka **ketika penyenaraian di KLSE:**

Syarikat	Jumlah Milik Konsensi dan Kawasan Konsensi Pembekal Balak (Hektar)	Tempoh (tahun)
JLWIB	31,329 (Sarawak)	5 dengan pilihan untuk memperbaharui bagi tempoh 5 tahun lagi
Timberwell Berhad	37,891 (Sabah)*	1-5*
Serisar Industries Berhad	26,577 (Sarawak)*	5-15*
Syarikat Binaan Budi Sawmill Berhad	1,200 (Kelantan)	3 *
Kilang Papan Seribu Daya Berhad	77,000 (Sabah)*	10*

\* Seperti yang dipaparkan di dalam prospektus penyeneraian masing-masing seperti berikut:

<i>Prospektus</i>	<i>Tarikh Prospektus</i>
<i>Timberwell Berhad</i>	<i>8 April 1997</i>
<i>Serisar Industries Berhad</i>	<i>23 Disember 1997</i>
<i>Syarikat Binaan Budi Sawmill Berhad</i>	<i>27 Mei 1997</i>
<i>Kilang Papan Seribu Daya Berhad</i>	<i>10 Oktober 1994</i>

---

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

---

Kawasan konsesi balak yang diperolehi melalui perjanjian bekalan SMNT baru-baru ini mempunyai ukuran yang berpatutan dan setanding dengan perniagaan yang serupa di Sabah dan Sarawak.

Dengan ketiadaan konsesi balak sendiri, JLWIB telah mengwujudkan hubungan perniagaan yang baik dengan 10 pembekal balak dan kerap berurusan dengan mereka, yang mana pembekal balak ini sendiri merupakan pemegang konsesi balak. Berdasarkan akaun teraudit bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1999, Kumpulan JLWIB mendapatkan lebih dari 60% jumlah pembeliannya daripada pembekal ini, menunjukkan kebergantungan terhadap pembekal ini.

- (iii) Pengilang tempatan kini mempunyai pilihan untuk membeli balak dari Indonesia berikutan pemansuhan pengharaman import bagi balak Indonesia oleh Kabinet Malaysia di dalam bulan Jun 1998. Hasilnya, JLWIB kini boleh membeli balak bagi keperluan pengeluarannya dari Indonesia pada harga yang kompetitif sekiranya terdapat penurunan di dalam bekalan balak Sarawak.
- (iv) Kompleks kayu bersepadu Kumpulan terletak di Bintulu, suatu kawasan yang strategik, yang merupakan hub pengedaran bagi balak. Bintulu yang menjadi sebahagian dari kualiti sungai di mana balak diangkut dari kawasan pedalaman Sarawak, menawarkan Kumpulan kelebihan mendapatkan berbagai bekalan kayu balak hingga ke depan pintu. Ini ditambah dengan kepelbagaian operasi hiliran Kumpulan, memberi kemudahan kepada Kumpulan untuk membeli balak secara fleksibel. Ramai pembekal balak di Sarawak membalak secara rambang, menghasilkan satu kelompok yang mengandungi berbagai spesis balak sesuai untuk tujuan hiliran yang berbeza. Kelebihan kepelbagaian operasi Kumpulan memudahkan Kumpulan membeli berbagai jenis balak daripada kelompok tunggal dan akibatnya Kumpulan telah berupaya membeli keseluruhan kelompok pada harga borong. Dengan ini, wujud syarat pembelian yang lebih baik, kefleksibelan untuk membeli dari beberapa pembekal dan jaminan bekalan balak yang berterusan bagi operasi Kumpulan yang pelbagai.
- (v) Sebagai langkah berjaga-jaga terhadap bekalan balak yang bermusim, telah menjadi amalan Kumpulan untuk meningkatkan simpanan keperluan balak semasa di luar musim tengkujuh setelah mengambil kira penurunan bekalan semasa musim tengkujuh antara bulan November ke Mac setiap tahun. Dengan itu, bekalan dan pengeluaran Kumpulan tidak terjejas oleh faktor musim disebabkan terdapatnya kemudahan simpanan balak.
- (vi) Bahan mentah asas bagi aktiviti hiliran Kumpulan seperti kayu cantuman, arang briket dan parket UV dihasilkan dari keluaran sampingan pengeluaran kayu digergaji Kumpulan. Oleh itu kepelbagaian operasi Kumpulan memaksimumkan penggunaan dan keluaran setiap balak dan seterusnya mengurangkan bahan buangan. Pada masa ini, melalui penggunaan mesin pemuliharaan yang khusus seperti Grecon dan mesin cantuman jejari Kikukawa di samping penggunaan habuk kayu bagi menghasilkan arang briket, kadar pemuliharaan Kumpulan adalah tinggi iaitu tidak kurang dari 80%.

Kesimpulannya, bekalan balak Sarawak adalah banyak, dengan keupayaan JLWIB untuk mendapatkan balak daripada pelbagai pembekal disebabkan oleh kepelbagaian operasi.

## 10.0 GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

### 10.4 Kemudahan Pengeluaran dan Output Pengeluaran

#### SMNT

SMNT, cabang pengeluaran Kumpulan beroperasi dari bangunan kayunya yang terletak di Tatau, 59km daripada Bintulu, Sarawak. Lokasinya strategik dengan laluan mudah kepada kemudahan pengangkutan seperti jalanraya dan sungai. Jumlah kawasan terbina kasar bangunan kayu dan kilang kayu dianggarkan berukuran 85,000 meter persegi yang terletak di atas tanah industri berukuran di dalam kira-kira 31 hektar.

Kompleks kayu JLWIB dilengkapi dengan kelengkapan mesin berteknologi maju seperti 3 tertib gergaji gelung lengkap dengan 26 unit gergaji gelung, 1 unit Gergaji Utama (Breakdown) Fuji berukuran 72", 1 unit Gergaji Utama (Breakdown) Isutsui Kogyo, 8 unit Jentera Pengumaian, 28 Kamar Loji Tanur Pengeringan, 3 unit Mesin Cantuman Jejari lengkap dengan Pengasah Jejari CKM, Aplikator Pelekat dan Pemasangan Jejari Auto, 1 unit Gergaji Penggunaan Optima Grecon, 1 tertib automatik parket UV, 1 Loji Arangbatu Tiruan Mingi lengkap oleh 18 unit Relau Berkarbon Mingi, 2 unit Pengering Venir dan mesin larik berputar tiap satu dilengkapi oleh sepasang mesin gelendong dan lawan gelendong, 1 unit Cochran Rekondisi, 3 Dandang Wap Pass Furetune, 1 unit Pembakar, 1 unit Pengubah Putar Hidrolik dan 3 unit Gergaji Rip. Keseluruhannya, SMNT mempunyai satu (1) tertib parket UV, empat (4) tertib venir dan kilang arang briket.

Sehingga 30 Jun 1999, Kumpulan telah melabur sebanyak RM59.6 juta di dalam operasi kayu bersepadunya termasuk tanah, bangunan, kelengkapan mesin dan peralatan bagi pengilangan kayu digergaji, kayu diacuankan, venir, parket UV, arang briket dan lain-lain bahan binaan kayu bagi sektor perumahan/pembinaan dan aktiviti sokongan seperti tanur pengeringan dan rawatan kimia.

Selaras dengan usaha Syarikat untuk meningkatkan penerokaan di dalam aktiviti pemprosesan hiliran, Syarikat telah memasang 28 kamar tanur pengering automatik dengan kapasiti operasi tahunan maksima sebanyak 40,000 meter padu setahun. Proses tanur pengeringan adalah bersih, mesra alam sekitar dan proses nilai tambah, menghasilkan paras kelembapan yang tepat dan stabil bagi kayu digergaji yang sangat sesuai bagi kayu gergaji gred eksport dan aktiviti pemprosesan hiliran. Kayu dikering menggunakan tanur kepada satu spesifikasi sebelum ianya dikeluarkan untuk peringkat pemprosesan seterusnya. Ini akan memastikan kekonsistenan mutu keluaran siap.

Output pengeluaran tahunan SMNT yang dihasilkan dari pelaburan yang disebutkan tadi didalam kemudahan pengeluarannya mengikut keluaran utama bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 1994 hingga 1999 adalah seperti berikut:

	Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun					
	1994	1995	1996	1997	1998	1999
<b>Output Pengeluaran ( dalam meter padu setahun melainkan dinyatakan sebaliknya)</b>						
-Kayu digergaji	2,616	1,332	70,240	50,678	61,899	73,828
-Venir	-	-	-	-	-	11,374
-Kayu diacuankan	-	-	-	7,819	13,414	17,206
-Parket UV	-	-	-	-	120	2,240
-Arang briket ( <i>tan metrik setahun</i> )	-	-	-	-	551	2,212
<b>Jumlah</b>	<b>2,616</b>	<b>1,332</b>	<b>70,240</b>	<b>58,497</b>	<b>75,984</b>	<b>106,860</b>



---

## 10.0 MAKLUMAT KESELURUHAN PERNIAGAAN (*Samb*)

---

SMNT telah dengan jayanya mengwujudkan hubungan yang rapat dengan rangkaian pengedaran yang pelbagai merangkumi agen perdagangan, pengedar dan pelanggan, yang diwujudkan dari masa pengasas JLWIB terlibat di dalam perdagangan balak dan kemudian kepada pengilangan keluaran semasa. Pembeli ini berurusan di dalam pemasaran semua keluaran kayu yang bermakna SMNT telah mempunyai pembeli tersedia bagi keluaran yang sedia ada. Tambahan pula, Kumpulan telah mengambil bahagian di dalam delegasi perdagangan yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Industri Kayu Sarawak seperti delegasi yang diadakan di Filipina pada tahun 1997, pesta perdagangan dan pameran perdagangan untuk meningkatkan rangkaian pengedarannya.

### ASB

ASB telah melabur di dalam satu (1) loji rawatan kimia supaya Kumpulan dapat memenuhi keperluan import yang ketat oleh Pihak Berkuasa Pemeliharaan Kayu New Zealand dan lain-lain piawaian di seluruh dunia seperti Piawaian Malaysia, Piawaian British dan Piawaian Pertubuhan Pemeliharaan Kayu Amerika. Kemudahan rawatan kimia mempunyai kapasiti operasi maksima sehingga 15 meter padu setiap caj dengan volum maksima sebanyak 29,200 liter larutan pengawet setiap caj.

## 10.5 Penyelidikan dan Pembangunan

JLWIB komited untuk memastikan bahawa keluarannya berpiawaian dan bermutu tinggi dan memenuhi spesifikasi dan kehendak pelanggan. Pada masa lepas, Syarikat telah menjalankan kegiatan R&Dnya secara usahasama dengan pelanggannya bagi memastikan keluaran kayu yang dihasilkan oleh Kumpulan mematuhi kawal selia dan piawaian mutu pasaran eksportnya.

Kumpulan kini mempunyai lima (5) kakitangan di bawah penyeliaan Pengurus R&D, yang terlibat di dalam penyelidikan dan pembangunan. Aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh Kumpulan JLWIB adalah seperti berikut:

- kajian kemungkinan untuk meneroka pengeluaran perabot dan bahagian perabot dengan menggunakan spesis kayu yang nilai komersilnya belum lagi diterokai sepenuhnya seperti Terentang dan Kebayang Babi;
- kajian kemungkinan untuk meneroka pemprosesan lanjutan arang briket habuk kayu tanpa asap kepada arang aktif yang boleh dihasilkan untuk kegunaan industri;
- menjalankan kajian terhadap sifat pelekat cantuman jejari dan keluaran laminasi yang mungkin mempunyai nilai potensi yang baik; dan
- menjalankan kajian keatas berbagai kaitan keluaran kayu yang boleh meningkatkan nilai tambah aktiviti pemprosesan hiliran seterusnya.

## 10.6 Prospek dan Rancangan Masa Hadapan

Pengurusan Kumpulan percaya bahawa prospek jangka panjang industri dan Kumpulan adalah berasaskan faktor berikut:

- Proses teknologi moden dan terkini membolehkan Kumpulan menawarkan kefleksibelan;
- Industri kayu masih merupakan industri yang baru di Sarawak, dengan itu mempunyai banyak ruang untuk berkembang;
- Galakan yang kuat oleh kerajaan yang diberikan melalui perubahan struktur industri terhadap modenisasi dan pengkhususan pengeluaran yang dihala ke arah mengurangkan kebergantungan terhadap aktiviti pemprosesan utama; dan
- Langkah ke arah dagangan bebas akan menampakkan penurunan/penghapusan di dalam halangan dagangan yang akan meningkatkan peluang eksport Kumpulan.

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN

### 11.1 Proforma Keuntungan di satukan dan Rekod Dividen

Jadual berikut membentangkan ringkasan proforma keputusan disatukan kumpulan JLWIB bagi lima (5) tahun kewangan yang berakhir 30 Jun 1995 hingga 1999 dan 3 bulan berakhir 30 September 1999 dengan andaian bahawa struktur semasa Kumpulan JLWIB telah sedia ada sepanjang tahun/tempoh kewangan di bawah kajian. Jadual ini hendaklah dibaca bersama dengan nota mengiringinya serta andaian yang terkandung dalam Laporan Akauntan dalam Seksyen 12.0 Prospektus ini.

	<----- Tahun Kewangan berakhir 30 June ----->					3 bulan
	1995	1996	1997	1998	1999	berakhir
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	30.09.1999
						RM'000
Jumlah Dagangan	58,078	51,283	49,599	49,205	80,870	27,718
Keuntungan sebelum susutnilai, faedah dan cukai	1,184	3,141	8,244	15,391	23,345	5,608
Susutnilai	(340)	(434)	(1,312)	(2,644)	(4,031)	(1,025)
Perbelanjaan faedah	(276)	(557)	(1,541)	(3,885)	(6,847)	(1,117)
Keuntungan sebelum cukai	568	2,150	5,391	8,862	12,467	3,466
Cukai	(277)	(583)	(1,031)	(1,305)	(10)	(556)
Keuntungan selepas cukai	291	1,567	4,360	7,557	12,457	2,910
Bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)	32,600	32,600	32,600	32,600	32,600	32,600
EPS kasar (sen)	1.74	6.60	16.54	27.18	38.24	*42.53
EPS bersih (sen)	0.89	4.81	13.37	23.18	38.21	*35.71
Dividen Kasar (%)	-	-	-	-	-	-

\* *Disetahunkan*

**Nota:**

- (i) *Ringkasan proforma keputusan disatukan bagi proforma Kumpulan telah disediakan berdasarkan dasar perakaunan konsisten dengan yang biasa diamalkan sebelumnya di dalam penyediaan penyata kewangan teraudit anak syarikat memandangkan JLWIB telah dormant sejak tarikh pemerbadanannya.*
- (ii) *Keputusan di atas dicapai selepas membuat pelarasan yang kami kira perlu termasuk memansuhkan kesemua urusan niaga antara syarikat.*
- (iii) *Peningkatan ketara dalam keuntungan sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan 1995 hingga 1999 adalah disebabkan peningkatan dalam harga jualan purata kayu digergaji dalam tahun kewangan 1996 dan 1997 serta pengeluaran keluaran tambahan iaitu kayu diacuankan dalam tahun kewangan 1997, Parket UV dalam tahun kewangan 1998 dan venir dalam tahun kewangan 1999.*
- (iv) *Jumlah dagangan Kumpulan menunjukkan pola yang menurun untuk tahun 1995 hingga 1998 terutamanya di sebabkan oleh kejatuhan jualan eksport kayu digergaji ke Filipina, Singapura dan Thailand serta kejatuhan jualan balak akibat penekanan Kumpulan terhadap pengeluaran hiliran. Walaubagaimanapun, ia menunjukkan pola yang meningkat dari tahun kewangan 1998 hingga 1999 terutamanya di sebabkan oleh kepelbagaian serta peningkatan pengeluaran hiliran keluaran yang berkaitan kayu iaitu kayu diacuankan,, bahan binaan kayu, arang briket dan venir.*
- (v) *Caj cukai jauh lebih rendah daripada kadar cukai berkanun bagi tahun kewangan 1997 dan 1998 disebabkan elau pelaburan semula yang diberi kepada sebuah anak syarikat.*
- (vi) *Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan 1999 mewakili pelarasan bagi berkurangan peruntukan untuk cukai bagi tahun sebelumnya. Tiada cukai diperuntukkan bagi tahun kewangan 1999 memandangkan tempoh kewangan jatuh dalam tahun taksiran 2000 di mana cukai ke atas pendapatan diperolehi dimansuhkan selaras dengan Seksyen 8 Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1999.*

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

- (vii) *Tidak ada perkara luar biasa berhubung dengan tahun/tempoh kewangan di bawah kajian.*
- (viii) *Proforma EPS kasar dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham selepas pengambilalihan JLT dan SMNT.*
- (ix) *Proforma EPS bersih dikira berdasarkan keuntungan selepas cukai dan bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan sebanyak 32,600,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham selepas pengambilalihan JLT dan SMNT.*

## 11.2 Ramalan Keuntungan disatukan untuk Tahun Kewangan akan berakhir 2000 Bersama Andaian selepasnya

	<b>RM'000</b>
Keuntungan disatukan sebelum cukai	15,533
Tolak: Keuntungan sebelum pengambilalihan	<u>(8,578)</u>
Keuntungan selepas pengambilalihan disatukan	7,015
Cukai	<u>(1,149)</u>
Keuntungan disatukan selepas cukai	<u>5,866</u>
EPS kasar (sen)*	42.3
EPS bersih (sen)**	35.4
Pengganda PE kasar berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap saham JLWIB (kali)	5.2
Pengganda PE bersih berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap saham JLWIB (kali)	6.2
** <i>EPS kasar dan EPS bersih dikira berdasarkan purata wajaran bilangan saham diandaikan dalam terbitan sebanyak 16,572,582 saham JLWIB dengan andaian bahawa Terbitan Awam tersebut akan siap pada 31 March 2000.</i>	

Dasar dan andaian utama yang mana ramalan keuntungan disatukan di atas telah disediakan adalah seperti berikut:-

- Tidak akan ada perubahan material dalam kegiatan utama dan struktur Kumpulan.
- Tidak akan ada pertikaian besar perindustrian atau kerosakan teruk dalam aktiviti perkilangan atau lain-lain keadaan atau perubahan luar biasa yang akan menjejaskan secara material operasi serta jualan pada paras ramalan.
- Tidak akan ada perubahan material dalam perundangan semasa atau peraturan kerajaan dan garis panduan badan penguatkuasaan yang boleh menjejaskan syarikat masing-masing dalam Kumpulan atau pasaran yang mana ia beroperasi.
- Tidak akan ada perubahan material dalam keadaan pasaran yang lazim bagi keluaran Kumpulan.
- Tidak akan ada perubahan material dalam kadar dan asas pencukaian bagi Kumpulan. Insentif cukai yang mana Kumpulan telah mendapat faedahnya akan diteruskan.
- Kemudahan kewangan akan kekal tersedia pada kadar faedah semasa. Pinjaman tambahan akan dapat diperolehi pada kadar lazim semasa.

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)

- (g) Kadar tukaran matawang asing tidak akan turun naik dengan ketara daripada kadar lazim iaitu satu US dollar kepada Ringgit Malaysia 3.80.
- (h) Kadar inflasi tidak akan berbeza dengan ketara daripada paras semasa.
- (i) Persekitaran lazim ekonomi dan politik di Malaysia serta pasaran di mana Kumpulan beroperasi akan berterusan dan tidak akan mempunyai apa-apa kesan buruk yang ketara ke atas kegiatan Kumpulan yang akan dijalankan pada paras ramalan.
- (j) Tidak akan ada perubahan yang ketara dalam harga jualan dan volum jualan bagi pelbagai keluaran kayu Kumpulan yang akan menjejaskan prestasi Kumpulan.

Harga jualan serta volum jualan bagi pelbagai keluaran yang dikilang/proses dan dipasarkan oleh Kumpulan dianggar dan diramalkan seperti berikut:

	30 Jun 2000	
	Volum Jualan (‘000 M <sup>3</sup> /MT)	Purata Harga Jualan (RM se M <sup>3</sup> /MT)
Balak	7.4	300
Kayu digergaji	28.2	750
Kayu diacuankan	12.0	1,300
Parket	1.8	3,600
Venir	36.0	900
Arang briket	4.8	925
Bahan binaan kayu	9.6	915

- (k) Purata harga belian bagi bahan mentah dianggar dan diramalkan seperti berikut:

Syarikat	Bahan mentah	RM se M <sup>3</sup>
JLT	- Balak	245
	- Kayu digergaji	500
SMNT	- Balak untuk kayu digergaji	230
	- Balak untuk venir	345
	- Kayu digergaji untuk pengumian	480
Akitiasa Sdn. Bhd. (anak syarikat JLT)	- Kayu digergaji	700
	- Kayu digergaji untuk bahan binaan kayu	550

- (l) Kadar pemulihan balak bulat/kayu digergaji/habuk kayu kepada produk kayu berikut dianggar dan diramalkan seperti berikut:

	Kadar Pemulihan %
Kayu digergaji	62
Kayu diacuankan	70
Parket	90
Venir	59
Arang briket	25
Bahan binaan kayu	85

- (m) Tidak akan ada pangambilalihan yang material dan pelupusan aset tetap oleh Kumpulan selain daripada yang telah diramalkan.
- (n) Tidak akan ada kekurangan bahan mentah/tenaga buruh yang teruk atau pertikaian tenaga buruh yang boleh menjejaskan operasi Kumpulan.

---

**11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)**

---

- (o) Hasil daripada terbitan awam yang dirujuk di para p (iii) di bawah bernilai RM16.28 juta dijangka diterima dalam tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000.
- (p) Skim penstrukturan semula Kumpulan JLWIB adalah termasuk, antara lainnya:-
  - (i) Kemasukan lebih nilai semula berjumlah RM12,367,217 untuk penilaian semula harta Kumpulan JLWIB.
  - (ii) Pengambilalihan keseluruhan saham yang diterbitkan serta berbayar milik JLT dan SMNT oleh JLWIB dengan jumlah balasan berjumlah RM49,840,459 dibayar melalui pertukaran saham biasa JLWIB berjumlah 32,599,998 pada harga sekitar RM1.53 setiap saham.
  - (iii) Terbitan awam oleh JLWIB sebanyak 7,400,000 saham biasa baru pada harga terbitan RM2.20 setiap saham kepada orang awam Malaysia termasuk warganegara, syarikat, koperasi, persatuan dan institusi Malaysia; dan
  - (iv) Kemasukan ke dalam Senarai Rasmi serta penyenaian dan sebutharga untuk keseluruhan modal saham JLWIB yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan berjumlah RM40,000,000 terdiri daripada 40,000,000 saham biasa pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur.

---

**11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)**

---

**11.3 Surat Akauntan Melapor mengenai Ramalan Keuntungan Disatukan**  
*(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)*

Hii & Lee  
Akauntan Awam  
Tingkat 1, 53  
Medan Sepadu  
Jalan Abang Galau  
97000 Bintulu  
Sarawak

Lembaga Pengarah  
Jin Lin Wood Industries Berhad  
No. 177, Tingkat Dua  
Taman Sri Dagang  
97000 Bintulu  
Sarawak

Tuan

**JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD**  
**RAMALAN KEUNTUNGAN DISATUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN AKAN BERAKHIR**  
**30 JUN 2000**

Kami telah mengkaji polisi perakaunan dan pengiraan bagi ramalan keuntungan disatukan Jin Lin Wood Industries Berhad ("JLWIB") dan anak syarikatnya ("Kumpulan"), yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya, bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000 berhubung dengan terbitan awam 7,400,000 saham biasa baru pada harga terbitan bernilai RM2.20 setiap saham dan penyenaian dan sebutharga bagi keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur, untuk dimasukkan dalam Prospektus yang akan bertarikh 18 Februari 2000. Keputusan proforma disatukan telah disediakan berdasarkan polisi perakaunan konsisten dengan penyediaan penyata kewangan teraudit anak syarikat yang telah diamalkan sebelum ini.

Pada pendapat kami, ramalan keuntungan disatukan, setakat mana polisi perakaunan dan pengiraan adalah berkenaan, telah dikumpul dengan teratur berasaskan andaian yang dibuat oleh para Pengarah dan dibentangkan atas dasar yang konsisten dengan polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Kumpulan.

Yang benar,

Hii & Lee  
No. AFO123  
Akauntan Awam

Ngu Woo Hieng  
1527/7/00(J)  
Rakan Kongsi

---

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

---

### 11.4 Ramalan Dividen

Ia merupakan polisi para Pengarah Syarikat dalam mengesyorkan dividen untuk membenarkan pemegang saham turut serta dalam keuntungan Syarikat disamping meninggalkan rizab yang mencukupi bagi pertumbuhan masa depan Syarikat.

Para Pengarah Syarikat menjangka bahawa dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan, Syarikat akan berupaya untuk mencadangkan dividen kasar sebanyak 10% bagi tahun kewangan akan berakhir 30 Jun 2000 berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak RM40,000,000 terdiri dari 40,000,000 Saham JLWIB.

	<b>RM'000</b>
Keuntungan disatukan sebelum cukai	15,533
Tolak: Keuntungan sebelum pengambilalihan	<u>(8,518)</u>
Keuntungan selepas pengambilalihan disatukan	7,015
Cukai	<u>(1,149)</u>
Keuntungan disatukan selepas cukai	<u>5,866</u>
Tolak: Dividen dicadangkan pada 10%	<u>4,000</u>
Keuntungan tertahan	<u>1,866</u>
Dividen kasar setiap Saham JLWIB (sen)	10.0
Dividen bersih setiap Saham JLWIB (dikecualikan cukai) (sen)	10.0
Kadar hasil dividen kasar berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap Saham JLWIB (%)	4.5
Kadar hasil dividen bersih berdasarkan harga terbitan RM2.20 setiap Saham JLWIB (%)	4.5
Lindungan dividen bersih (kali)	1.5

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

### 11.5 Proforma Kunci Kira-kira Disatukan

*(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)*

Proforma Kunci Kira-kira Disatukan Kumpulan JLWIB sehingga 30 Setpember 1999 dibentangkan di bawah disediakan untuk tujuan gambaran sahaja untuk menunjukkan kesan pengambilalihan keseluruhan modal saham diterbitkan dan berbayar JLT dan SMNT (“Pegambilalihan”) setelah kemasukkan lebih penilaian semula harta tanah milik ASB dan SMNT seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti dan juga Terbitan Awam atas andaian bahawa urusniaga ini telah selesai dilaksanakan pada 30 Setpember 1999:

	Syarikat Teraudit pada 30.9.1999  RM'000	I Proforma Kumpulan Selepas Pengambilalihan  RM'000	II Proforma Kumpulan Selepas I dan Terbitan Awam  RM'000
ASET TETAP	-	***69,606	***69,606
PERBELANJAAN TERTUNDA	3	3	3
ASET SEMASA			
Stok	-	12,694	12,964
Penghutang perdagangan	-	20,438	20,438
Lain-lain penghutang dan simpanan	-	11,952	11,952
Simpanan tetap	-	4,350	4,350
Tunai dan baki bank	-	60	14,640
	*-	49,764	64,344
LIABILITI SEMASA			
Jumlah terhutang kepada jurubank	-	34,890	34,890
Pemiutang perdagangan	-	4,282	4,282
Lain-lain pemiutang	3	1,549	1,549
Pemiutang sewa beli	-	2,513	2,513
Peruntukan cukai	-	2,743	2,743
	3	45,977	45,977
ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH	(3)	3,787	18,367
LIABILITI JANGKA PANJANG			
Pinjaman berjangka	-	11,907	11,907
Pemiutang sewa beli	-	8,724	8,724
Cukai tertunda	-	14	14
	*-	52,751	67,331
DIBIAYAI OLEH			
Modal saham	**-	32,600	40,000
Premium saham	-	17,241	24,421
Keuntungan tidak diagaihan	-	2,910	2,910
	*-	52,751	67,331
NTA setiap saham (RM)	(1,500)	1.62	1.68

\* mewakili RM2.00

\*\* Mewakili 2 saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu

\*\*\* Termasuk lebih penilaian semula sebanyak RM12,367,217



---

## 11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)

---

### NOTA KEPADA PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD DAN ANAK SYARIKATNYA PADA 30 SEPTEMBER 1999

- (a) Proforma Kunci Kira-kira Disatukan telah disediakan berdasarkan kunci kira-kira teraudit JLWIB dan anak syarikatnya pada 30 September 1999 dan disediakan untuk tujuan gambaran sahaja untuk menunjukkan kesan peristiwa berikut atas andaian bahawa peristiwa ini dilaksanakan pada 30 September 1999:
- (i) Diandaikan jumlah lebih penilaian sebanyak RM12,367,217 yang diluluskan oleh SC pada 20 November 1999 bagi penilaian semula harta tanah SMNT dan ASB telah dimasukkan ke dalam akaun masing-masing pada 30 September 1999.
  - (ii) Pengambilalihan keseluruhan modal saham JLT yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 10,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM20,540,450 dijelaskan melalui terbitan 13,435,242 Saham Baru JLWIB pada harga sekitar RM1.53 setiap saham berdasarkan NTA teraudit JLT pada 30 Jun 1999 sebanyak RM19,360,737 dan diselaraskan untuk lebih penilaian semula sebanyak RM1,179,713.
  - (iii) Pengambilalihan keseluruhan modal saham SMNT yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 3,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi balasan pembelian sebanyak RM29,300,009 dijelaskan melalui terbitan 19,164,756 Saham Baru JLWIB pada harga sekitar RM1.53 setiap saham berdasarkan NTA teraudit SMNT pada 30 Jun 1999 sebanyak RM18,112,505 dan diselaraskan untuk penilaian semula sebanyak RM11,187,504.
  - (iv) Terbitan Awam 7,400,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam JLWIB pada harga terbitan RM2.20 setiap saham biasa. Perolehan bersih daripada Terbitan Awam setelah ditolak perbelanjaan penyenaian dimasukkan ke wang tunai dan baki bank.
  - (v) Anggaran perbelanjaan penyenaian berjumlah RM1,700,000 telah dicajkan kepada rizab premium saham.
- (b) Pergerakan dalam modal saham JLWIB yang diterbitkan dan berbayar adalah seperti berikut:

	<b>RM</b>
Pada 30 September 1999	2
Terbitan 32,599,998 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham bagi pengambilalihan keseluruhan modal saham JLT dan SMNT yang diterbitkan dan berbayar	32,599,998
Terbitan awam 7,400,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham	7,400,000
	40,000,000

- (c) Baki antara syarikat telah dihapuskan dalam pengiraan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan.
- (d) Proforma Kunci Kira-kira Disatukan JLWIB disediakan berdasarkan kaedah percantuman perakaunan selaras dengan Piawaian Perakaunan Malaysia No. 2.

---

**11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)**

---

(e) Premium saham dikirakan seperti berikut:

	RM'000
Timbul daripada pengambilalihan JLT dan SMNT	17,241
Timbul daripada Terbitan Awam 7,400,000 saham biasa baru pada harga terbitan RM2.20 setiap saham	8,880
Tolak: Anggaran perbelanjaan penyenaian	<u>(1,700)</u>
	<u><u>24,421</u></u>

---

**11.0 MAKLUMAT KEWANGAN (Samb)**

---

**11.6 Surat Akauntan Melapor mengenai Proforma Kunci Kira-kira Disatukan**  
(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)

Hii & Lee  
Akauntan Awam  
Tingkat 1, 53  
Medan Sepadu  
Jalan Abang Galau  
97000 Bintulu  
Sarawak

Lembaga Pengarah  
Jin Lin Wood Industries Berhad  
No. 177, Tingkat 2  
Taman Sri Dagang  
97000 Bintulu  
Sarawak

Tuan

**JIN LIN WOOD INDUSTRIES BERHAD**  
**PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN PADA 30 SEPTEMBER 1999**

Kami telah mengkaji penyediaan Proforma Kunci Kira-kira Disatukan pada 30 September 1999 bagi Jin Lin Wood Industries Berhad ("JLWIB") dan anak syarikatnya ("Kumpulan") bersama dengan nota mengiringinya, yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya berhubung dengan terbitan awam 7,400,000 saham biasa baru pada harga terbitan RM2.20 setiap saham dan penyenaian dan sebutharga bagi keseluruhan modal saham JLWIB yang diterbitkan dan berbayar yang terdiri daripada 40,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur untuk kemasukan ke dalam Prospektus yang akan bertarikh 18 Februari 2000.

Pada pendapat kami, Proforma Kunci Kira-kira Disatukan diatas dengan notanya, yang disediakan bagi tujuan gambaran sahaja telah dikumpul atas dasar yang konsisten dengan polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Kumpulan dan dibentangkan dalam bentuk yang sesuai untuk kemasukan ke dalam Prospektus yang tersebut diatas.

Yang benar,

Hii & Lee  
No. AF0123  
Akauntan Awam

Ngu Woo Hieng  
1527/7/00(J)  
Rakan Kongsi